



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

**PARLIMEN** KELAPAN  
*Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

Jilid III Bil. 7.

Hari Rabu

9hb Jun 1993

#### KANDUNGAN

##### MENGANGKAT SUMPAH:

**T.B. Puan Kian Sit Har** (Ruangan 1)

##### TIMBAIPAN YANG DI-PEKTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

##### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Pentadbiran undang-undang Islam  
(Wilayah-wilayah Persekutuan) (Ruangan 53)



**MAIAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 9hb Jun, 1993**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

**Puan Kian Sic Har**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN KONGRES PERGIGIAN ASIA-PASIFIK KE-16 - MANFAAT**

1. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kesihatan menyatakan faedah-faedah kepada negara ini hasil Persidangan Ke-16 Kongres Dentist Asia-Pasifik baru-baru ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, satu Persidangan Kongres Pergigian Asia-Pasifik Ke-16 telah diadakan di Kuala Lumpur pada 22hb April hingga 27hb April, 1993. Antara faedah-faedah yang diperolehi adalah:-

- (a) Meningkatkan kemahiran serta pengetahuan pengamal-pengamal pergigian Malaysia dalam penggunaan alat-alat serta bahan-bahan yang canggih, moden dan kemaskini semasa meraberi rawatan kepada pesakit.
- (b) Memberi peluang kepada pengamal pergigian menghadiri pameran "State-of-the-art Dental Exhibition". Dengan pendedahan ini, mereka boleh memperbaiki mutu perkhidmatan yang ada.

- (c) Kongres tersebut telah membincang matlamat kesihatan pergigian untuk negara ini serta negara di rantau ini menjelang tahun 2020. Topik mengenai perancangan tenaga manusia juga dibentangkan.
- (d) Sebilangan besar delegasi yang hadir datang dari luar negeri dan ini dapat menolong industri pelancongan di negara ini.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika MMA pada ketika ini sibuk memikirkan untuk menaikkan harga rawatan perubatan, adakah doktor-doktor pergigian juga akan berbuat perkara yang sama?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kita belum terima apa-apa berita tentang kenaikan harga bayaran rawatan pergigian. Kita berharaplah supaya mereka tidak mengikut jejak langkah MMA ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat dapat menjelaskan senarai negara-negara yang turut hadir di dalam persidangan yang tersebut dan apakah hujah-hujah ataupun pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh wakil-wakil dari negara Malaysia?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak mempunyai satu senarai yang menunjukkan negeri-negeri berkenaan, tetapi hanya 17 negara dengan 1,000 perwakilan telah menghadiri persidangan tersebut. Dan tema persidangan itu adalah saintifik iaitu kebanyakan kertas-kertas yang dibentangkan adalah berasaskan kepada saintifik dan juga syor menggunakan alat-alat canggih. Saya tidak mempunyai butir-butir tentang kertas-kertas yang telah dibentangkan oleh wakil-wakil dari Malaysia. Jika Yang Berhormat berminat dalam perkara ini, saya boleh kirimkan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yaag Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa setakat ini doktor-doktor pergigian belum lagi memohon untuk menaikkan harga bayaran rawatan. Jadi, apakah Yang Berhormat setuju bahawa Kerajaan tidak akan mengizinkan doktor-doktor gigi mengikuti jejak langkah yang dibuat oleh MMA?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah memperluaskan perkhidmatan pergigian kepada seluruh negara, bukan hanya di hospital-hospital tetapi juga di klinik-klinik di merata-rata tempat. Saya merayu kepada penduduk-penduduk tempatan untuk menggunakan peluang-peluang yang sedia ada disediakan oleh Kerajaan, Jika, mereka menggunakan peluang-peluang ini, maka persoalan kenaikan harga rawatan tidak akan timbul. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian tentang cadangan Yang Berhormat itu.

**SURUHANJAYA SEKURITI JUMLAH MODAL PASARAN SAHAM**

2. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan menjamin pasaran modal yang sihat; berapakah modal pasaran saham di Malaysia dan adakah merupakan pasaran saham terbesar di Asia Tenggara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]**: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan pada 1hb Mac, 1993 bertanggungjawab memelihara pembangunan teratur pasaran sekuriti dan niaga hadapan, menjaga kepentingan pelabur-pelabur awam serta pemegang saham minoriti dan mempertahankan kewibawaan dan kecekapan pasaran

Secara- khususnya, fungsi Suruhanjaya, antara lain, adalah seperti berikut:-

- (i) mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti mana-mana bursa, pusat penjelasan dan depositori pusat;
- (ii) mengambil segala langkah yang munasabah untuk menjaga kepentingan orang-orang yang berniaga sekuriti atau berdagang dalam kontrak-kontrak niaga hadapan;
- (iii) memajukan dan menggalakkan kelakuan yang baik di kalangan anggota bursa-bursa dan semua orang berdaftar dan

- (iv) membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang yang kurang sihat dan yang tidak patut dalam perniagaan sekuriti dan perdagangan kontrak niaga hadapan.

Suruhanjaya amat peka dengan tanggungjawab yang diberikan dan akan memastikan tanggungjawab tersebut dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Walau bagaimanapun, kewibawaan sesebuah pasaran modal bergantung bukan sahaja kepada keberkesanan badan pengawalan tetapi juga tingkahlaku dan prestasi pengarah-pengarah syarikat, peniaga-peniaga dan mereka yang terlibat dalam pasaran sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, modal pasaran di BSKL, berdasarkan perangkaan terakhir adalah lebih tinggi apabila dibandingkan dengan negara-negara Thailand dan Singapura. Pada akhir Mac lalu, BSKL mencatatkan modal pasaran sebanyak US\$94.45 bilion berbanding dengan US\$57.7 bilion bagi Thailand dan US\$52.4 bilion bagi Singapura.

Bagi pasaran-pasaran sekuriti yang lebih matang seperti Hong Kong, Korea dan Taiwan, market capitalisationnya, dengan izin, lebih besar daripada pasaran sekuriti tempatan. Umpamanya Hong Kong mencatatkan modal pasaran berjumlah US\$202.3 bilion, Korea Selatan US\$106 bilion dan Taiwan US\$146.6 bilion.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah broker-broker saham yang melakukan penyelewengan dan apakah penyelewengan yang berlaku itu boleh menjejaskan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan broker saham diawasi oleh Bursa Saham Kuala Lumpur dan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga ada peraturan-peraturan dalaman yang perlu diikuti oleh syarikat-syarikat broker saham berkenaan. Pada setiap masa pihak BSKL dan juga Suruhanjaya Sekuriti menjalankan kegiatan-kegiatan yang memastikan bahawa syarikat-syarikat broker saham ini mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Dan jika ada kes-kes tertentu, maka kita, akan menyasat kes-kes penyelewengan tersebut.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kegiatan Bursa Saham kita bertambah, apakah Kerajaan mencadangkan untuk mengeluarkan lesen broker saham selaras dengan perkembangan ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Sekarang ini terdapat kira-kira 50 buah syarikat broker saham di seluruh negara. Di segi kawasan atau pun geographical distributionnya, dengan izin, kesemua kawasan di negara kita sudahpun diwakili oleh syarikat broker saham. Oleh yang demikian, pada masa ini Kerajaan berpendapat bilangan syarikat broker saham yang ada adalah memadai. Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan semasa sudah pasti Kerajaan akan mengkaji kedudukan ini dari masa ke semasa. Dan jika terdapat keperluan yang mendadak, Kerajaan akan mengkaji semula dasar yang sedia pada hari ini.

**Tun Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen maklum bahawa modal berbayar broker saham sekarang ialah RM20 juta. Semasa dikenakan

modal berbayar RM20 juta ini anggaran turnover di pasaran saham ialah antara RM300 ke RM400 juta sehari. Tetapi dengan keadaan di mana turnover di pasaran saham telahpun meningkat kepada hitung panjang antara RM1.1 bilion hingga RM1.5 bilion satu hari, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi modal berbayar broker-broker saham ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Partua, tindakan Kerajaan untuk menambahkan modal saham syarikat broker saham kepada RM20 juta baru-baru ini jelas memperlihatkan betapa kita berpandangan jauh. Dengan urusan yang meningkat begitu mendadak maka keupayaan syarikat-syarikat broker sahara telah dapat ditingkatkan lagi. Buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang hendak meningkatkan lagi modal saham syarikat-syarikat brokar saham tersebut, tetapi keadaan ini sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan jika diperlukan maka dasar mengenakan modal saham minimum RM20 juta itu akan dikaji apabila tiba masanya.

#### INSENTIF ELAUN PELABURAN SEMULA - DASAR KERAJAAN

3. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah dasar Kerajaan mengenai insentif pelaburan semula;
- (b) memandangkan laporan bahawa sebanyak 42 syarikat MNC yang beroperasi di Pulau Pinang akan berpindah ke negara lain kerana tidak mendapat insentif pelaburan semula, apakah tindakan Kerajaan terhadap isu ini; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan dalam hal setengah-setengah Kerajaan Negeri tidak menggalakkan langsung pelaburan asing datang ke negeri mereka, malah setengah pula menyekat pembangunan pelaburan asing yang sudah beroperasi di negeri mereka.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menggalakkan para pelabur dalam sektor perkilangan supaya melabur semula. Untuk rmenyokong usaha ini Kerajaan telah menyediakan insentif Klaun Pelaburan Semula sebanyak 40% (atau 50% untuk industri kecil) di atas perbelanjaan modal yang ditanggung bagi maksud pelaburan semula. Pelaburan semula bolehlah dilakukan oleh syarikat untuk:-

- (i) pembesaran yang menghasilkan penambahan kapasiti pengeluaran secara umum;
- (ii) pemodenan di mana peralatan pengilangan dan proses telah dipertingkatkan demi untuk menghasilkan kecekapan yang tinggi di dalam pengeluaran, peningkatan kualiti pengeluaran dan/atau pengurangan kos,
- (iii) pelbagaian yang menghasilkan keluaran keluaran tambahan atau keluaran yang berkaitan dalam industri yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian ini, 42 syarikat multi-national corporation di Pulau Pinang tersebut bukanlah bercadang untuk memindahkan operasi mereka ke negara-negara lain. Yang menjadi kebimbangan sebahagian daripada syarikat-syarikat multi-national corporation tersebut ialah tentang kemungkinan operasi mereka yang tidak lagi berdaya saing jika Kerajaan menarik kembali insentif-insentif yang telah ditawarkan.

Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti cadangan-cadangan syarikat multi-national corporation tersebut bagi mengekal daya saingan agar mereka akan terus melabur dan menambah pelaburan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setahu Kementerian ini tidak ada Kerajaan Negeri yang menyekat pelaburan asing datang ke negeri masing-masing. Malahan, adalah menjadi dasar semua Kerajaan Negeri untuk menggalak dan menarik pelaburan asing. Dalam usaha-usaha ini Kerajaan Negeri dari masa ke semasa menghantar sendiri misi-misi galakan pelaburan ke luar negara dan menyertai di dalam misi-misi yang dianjurkan oleh MITI. Hasil daripada usaha-usaha ini didapati bagi tempoh 1980-1992, daripada sejumlah 8,444 projek perkilangan yang diluluskan dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM141 ribu juta, sejumlah 5,381 projek pelaburan asing telah diluluskan dengan jumlah pelaburan berjumlah RM75,707 juta. Ini merupakan 542 daripada jumlah pelaburan keseluruhannya.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Negeri Kedah memang di antara salah sebuah negeri; yang sedang berusaha untuk menggalakkan pembangunan perindustrian di sana. Baru-baru ini, Kerajaan negeri Kedah telah menaikkan kadar bayaran air dan terdapat satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan tidak akan memasukkan Kedah di dalam senarai negeri yang akan dibuat promosi di dalam usaha-usaha menggalakkan perkembangan perindustrian di negara kita. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat apakah pendirian itu atau dasar itu merupakan dasar baru, dasar sementara atau dasar tetap? Apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula pendirian atau dasar ini walaupun kadar harga air di Kedah mungkin tidak akan diturunkan?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator tadi yang mengemukakan soalan yang ada kaitan dengan kadar bayaran air di negeri Kedah. Sukalah saya katakan di sini selepas Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menyuarakan ketidakpuasan beliau terhadap kenaikan kadar bayaran air di Kedah, kadar itu, telah diturunkan kepada satu paras yang lebih munasabah. Ini adalah satu berita yang baik oleh kerana kita sedar, kalau Malaysia hendak mengekalkan negara kita sebagai satu pusat yang ada daya penarik untuk pelabur-pelabur daripada luar dan juga daripada dalam negeri, kita mesti memberikan satu iklim pelaburan yang menggalakkan termasuk sumbangan air, elektrik dan lain-lain dengan kadar bayaran yang adil dan munasabah. Janganlah kita sampai kepada

satu tahap di mana kita tidak berdaya saing lagi dengan negara-negara yang kos berbanding lebih murah daripada kita seperti Vietnam, China dan lain-lain. Kita hendak menjaga keadaan itu.

Jadi, mengenai apa yang dikatakan kononnya diutamakan oleh Menteri saya, saya tidak sedar Menteri saya ada berkata sedemikian seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chi Siong @ Choag Fah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan. tambahan. Saya cuma hendak tahu sahaja daripada Yang Berhormat Tirabalan Menteri, bagaimana caranya Kementerian Perdagangan, Antarabangaa dan Industri untuk menggalakkan atau secara koordinasi kepada industri ringan dan sederhana supaya membekalkan barang-barang sampingan kepada industri berat terutamanya kepada pelabur tempatan?

**Tuan Chua Jui Meng:** Memangnyanya inilah dasar Kementerian saya yang baru, untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur dalam negeri khususnya dalam bidang industri-industri sederhana dan kecil. Oleh kerana kita sedar, kalau satu negara hendak maju dalam aspek perindustiran, kita belajar daripada pengalaman yang dialami oleh negara-negara yang telah maju seperti Jepun, Jerman, Amerika Syarikat, Taiwan dan lain-lain. Iaitu kalau satu negara hendak masuk ke dalam zaman perindustrian perlulah kita ada satu back-up system daripada kilang-kilang sederhana dan kecil.

Memangnyanya ini sudah menjadi satu reality di negara kita di mana daripada jumlah industri-industri dan kilang-kilang yang dibina dalam negara kita hampir 93% terdiri daripada kilang-kilang sederhana dan kecil. Kementerian saya akan melakukan daya usaha kita untuk menggalakkan lebih rantai pelabur dalam SMI termasuk

memberikan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal dan memberikan bantuan daripada segi kewangan dengan pinjaman dengan faedah yang rendah dan memberikan geran-geran Kerajaan kepada kes-kes yang sesuai, memberikan latihan dan sebagainya.

**Dato' Azumu bia Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dibuatnya di Bakri, Muar baru-baru ini bahawa Kerajaan tidak menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri membuat lawatan pelaburan ke luar negeri melainkan yang mana dikelolakan oleh MITI sahaja?

**Tuan Chua Jui Meng:** Benar. Apa yang saya pernah katakan di Bakri, Muar baru-baru ini ialah kalau pihak Kerajaan Negeri hendak melakukan satu misi pelaburan ke luar negeri, kita menggalakkan. Kita sokong kepada usaha mereka yang baik oleh kerana ini akan menarik lebih-banyak pelaburan ke dalam tanahair kita. Ini satu usaha yang mesti disokong. Tetapi apa yang saya katakan ialah bila pihak Kerajaan Negeri hendak membuat satu promosi di luar negara, lebih baik promosi itu diselaraskan dengan pegawai-pegawai di MIDA khasnya dengan pegawai-pegawai MIDA yang ditempatkan di seluruh dunia. Oleh kerana kita tidak mahu sesuatu Kerajaan Negeri buat satu promosi di luar dan menarik minat satu syarikat daripada luar untuk menubuhkan satu kilang yang tidak disetujui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kita ada satu senarai untuk promoted activities, aktiviti-aktiviti dalam bidang perindustrian yang digalakkan oleh Kementerian. Kita ada industri-industri yang sudah matang, tidak payah kita menarik daripada luar negeri. Kalau tidak diselaras operasi mereka dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menjaga bidang industri, mungkin Kerajaan Negeri akan

menarik satu pelabur daripada luar negeri dalam satu bidang yang kita tidak menggalakkan lagi.

#### **PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - BUTIR-BUTIR**

**4. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara setakat ini;
- (b) daripada itu, berapa ramaikan jumlah pembeli yang mengalami kerugian akibat dari projek terbengkalai tersebut;
- (c) apakah cara yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini dan
- (d) setakat ini, berapakah jumlah projek perumahan yang telah dapat dipulihkan semula dan di negeri mana.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin**

**Haji Sukam]:** Tuan Yang di-pertua,

- (a) Bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai di seluruh negara ialah 118.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 18,786 orang pembeli terlibat dengan projek terbengkalai tersebut.
- (c) Untuk mengelakkan masalah seperti ini dari berulang lagi langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil oleh Kementerian termasuklah memperketatkan prosedur pengeluaran lesen pemaju perumahan di mana aspek keupayaan kewangan akan dititikberatkan. Pihak Kementerian juga memberi perhatian kepada aspek pengawasan projek melalui laporan kemajuan fizikal projek yang diterima enam bulan sekali, di samping mengadakan lawatan ke tapak projek yang lebih kerap.

Selaras dengan Akta Pemaju Perumahan, suatu peruntukan perundangan telah diwujudkan di mana setiap pemaju perumahan adalah dikehendaki membuka akaun pemajuan perumahan di bank: atau syarikat kewangan untuk setiap pemajuan perumahan yang diusahakannya.

Kementerian. juga akan terus bekerjasama dengan Kerajaan negeri untuk menyelesaikan apa juga masalah mengenai projek terbengkalai khususnya yang berkaitan dengan bidangkuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- (d) Setakat ini, sebanyak 190 projek perumahan telah dapat dipulihkan dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan
Perlis	4
Kedah	7
Pulau Pinang	16
Perak	31
Selangor	31
Wilayah Persekutuan	8
Negeri Sembilan	18
Melaka	10
Johor	29
Kelantan	13
Terengganu	14
Pahang	9
<b>JUMLAH</b>	<b>190</b>

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dapat mendengar ada 18,000 orang yang rugi dan teraniaya. 18,000 orang ini adalah golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana yang telah membuat pinjaman Kerajaan dan pinjaman bank. Wang pinjaman itu telah "ditelan" oleh pemaju dan potongan gaji telah dibuat kepada mereka yang bergaji tetapi rumah mereka tidak siap sehingga tiga atau empat tahun. Mereka kena pula menyewa rumah lain. Jadi, potongan Kerajaan dan juga sewa rumah orang lain telah menyebabkan mereka kekurangan makanan.

Jadi 18,000 orang yang teraniaya ini kita melihat tidak ada pembelaan dari Kerajaan. Cuma Kerajaan membela mereka yang menjadi pemaju perumahan dengan memberi bantuan untuk membuat semula projeknya sedangkan mereka yang teraniaya ini dan telah menderita dalam golongan miskin, apakah langkah Kerajaan untuk membela golongan yang telah teraniaya ini?.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kalau kita tidak membela mereka-mereka yang telah terlibat dengan tidak sengaja di dalam projek perhatian terbengkalai. Sebenarnya, daripada jumlah rumah terbengkalai yang telah kita pulihkan, daripada 190 projek yang telah kita pulihkan, ianya telah melibatkan 22,850 pembeli dan 32,688 unit rumah. Ini bererti sehingga bulan Mac tahun ini, Kerajaan melalui cabutan yang dipanggil "Tabung Untuk Memulihkan Projek Perumahan Terbengkalai" telah menyediakan peruntukan tidak kurang daripada RM500 juta bagi membantu memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Sepertimana yang saya nyatakan semalam, daripada 118 unit projek yang masih terbengkalai ini, Kerajaan akan senantiasa berusaha supaya projek-projek ini dapat kita pulih semula. Walau bagaimanapun, ini ialah saya nyatakan bahawa untuk kita boleh memulihkan projek perumahan yang terbengkalai ini, kita memerlukan kerjasama semua pihak yang terlibat di dalam industri perumahan ini iaitu pemaju perumahan, pembeli dan Juga institusi-institusi kewangan. Kerajaan cuma melibatkan diri sebagai orang tengah di dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana ramai rakyat yang terlibat terdiri dari kalangan mereka yang berpendapatan rendah, makanya Kerajaan begitu mengambil berat tentang perkara ini dan akan terus berusaha untuk mencari jalan supaya projek-projek

terbengkalai tadi akan dapat kita baiki keseluruhannya.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingia tahu berkenaan dengan sipembeli rumah yang mendapat pinjaman di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan. Adakah pemotongan gaji bagi pembayaraa balik pinjaman diteruskan?

**Tuan Osu bin Haji Sukam;** Jawapannya ya, setakat berapa yaag telah dikeluarkan oleh Perbeadahaaran. Ini bererti jika sekiranya rumah yang telah dibeli olen seorang pembeli telah disenaraikan di dalam projek terbengkalai dan wang yang telah dikeluarkan cuma katalah daripada RM25.000 yang diluluskan, cuma RM3.000 yang telah dikeluarkan maka potongan dibuat oleh Kerajaan berdasarkan kepada RM3,000 sahaja.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher;** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah, walaupun pemaju perumahan ini tidak tertakluk dengan uadang-undangnya yang berkuatkuasa di Semenanjung, Kerajaaa Negeri Sabah ada undang-undang sendiri. Tetapi walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa Kerajaaa Persekutuan ada memberi bantuan melalui TPPT (Tabung Projek Perumahan Terbengkalai). Sebab itulah saya bertanya pada hari ini, adakah projek perumahan terbengkalai ini melibatkan dengan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) ini? Dan kalau ada, berapa banyakkah projek perumahan terbengkalai di Sabah setakat ini?

**Tuan Osu bin Haji Sukam;** Tuan Yang di-Pertua, untuk Sabah, kita telah menerima bantuan untuk TPPT lebih kurang 11 permohonan. Empat daripadaya telah diluluskan dengan jumlah tidak kurang daripada RM 10 juta. Daripada 4 projek yang telah diluluskan, 2

projek telahpun siap dan penghuni-penahunya telahpun masuk dan kita harap yang bakinya akan dapat disiapkan di dalam masa yang ditentukan.

#### BUDAYA MALAYSIA DIKALANGAN BELIA - PENONJOLAN

5. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan mengenai langkah untuk menonjolkan budaya Malaysia di kalangan belia-belia di Malaysia bagi menyaingi kecenderungan penganutan budaya rock dan budaya barat yang ghairah di kalangaa belia-belia kita masa kini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [**Dato' Chau Koag Choy**]: TuanYang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa memandaag berat terhadap uasur-unsur budaya negatif seperti budaya rock dan mempengaruhi belia-belia kita sama ada setaraf komersil atau melalui sebaran am yang boleh mempengaruhi dan merosakkan **nilai-nilai** akhlak. Dalam usaha membendung unsur-unsur budaya tersebut dari menular langkah-langkah tertentu telah, sedang dan akan terus diambil melalui pelaksanaan program dan aktiviti kebudayaan. yaag merangkumi program penggalakan. menerusi kursus, bengkel, pertandingan dan aspirasi seni, program pendidikan melalui ceramah, kuliah dan penerbitan bahan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui dasar kemasukan artis luar,

Kementerian memastikan bahawa tiada unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan tatasusila masyarakat Malaysia dibawa masuk. Demi masa ke semasa, khidmat nasihat mengenai ciri-ciri penting dalam persembahan kesenian yang bersesuaian dengan nilai dan norma, moral dan akhlak masyarakat Malaysia juga diberikan.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kemunculan kumpulan-kumpulan rock di kalangan anak-anak remaja sama ada ianya berbentuk "heavy metal rock" ataupun "Light metal rock", izinkan? Ini menyebabkan pelajar-pelajar sekolah turut terbawa pengaruh itu. Tadi, Yang Berhormat ada menyebutkan tentang Langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian tetapi daripada keberkesanan tidak, menampilkan sebarang keberkesanan. Yang bertambah jelas bertambah, yang rosak ialah anak-anak kita. Jadi, saya mohon dijawab apakah Langkah-langkah segera (immediate) yang telah diambil dan langkah-langkah yang bertujuan menyekat kebudayaan itu terus merebak di kalangan masyarakat anak-anak kita?

**Dato' Chan Kong Choy;** Kementerian memang memandang berat tentang keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Pihak Kementerian kita iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, memang sentiasa mengadakan program iaitu dengan bekerjasama Kementerian Belia dan Sukan melalui untuk program penggalakan, program pendidikan dan, bimbingan untuk meningkatkan ketahanan dan kesedaran kepada golongan belia bahawa budaya rock ini akan mendatangkan pengaruh yang tidak diinginkan.

Jadi, mengenai dasar kemasukan artis luar khususnya "heavy metal rock", kita memang melarang kemasukan "heavy metal rock" ke negara kita. Tentang "light metal rock" pula, kita memang membenarkan.

Walau bagaimanapun, ini lebih merupakan program-program yang dilakukan dan dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan bukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa di antara salah satu perkara yang mempengaruhi dan yang memberi kesan yang banyak kepada masyarakat kita adalah peranan media, TV3, TV1 di RTM dan semua ini. Apakah Kementerian Yang Berhormat tidak bercadang untuk mengadakan atau bentuk kerjasama seperti mengadakan majlis perundingan atau satu jawatankuasa dan sebagainya dengan pihak

Kementerian Penerangan untuk membuat satu garis panduan yang lebih jelas tentang peranan kumpulan-kumpulan rock. Budak-budak seperti "Kru", "Feminin", "4U2C", "Exist" dan sebagainya yang saya turut minat juga termasuk anak-anak. saya [**Ketawa**] yang saya fikir fenomena ini seperti Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zaid kata tadi, boleh merosakkan generasi masa depan kita. Apakah tidak ada satu bentuk jawatankuasa bersama untuk menasihati Kementerian Penerangan tentang perkara ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih di atas cadangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat. ianya akan diambil berat dan akan diberi pertimbangan serius oleh Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Penerangan.

#### PROJEK ANAK ANGKAT - BANTUAN KEWANGAN

6. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak berkuasa universiti tempatan memberi kewangan kepada pelajar-pelajarnya untuk menjalankan, projek-projek Anak Angkat di luar bandar dan jikalau ada sila beri amaun peruntukan da berapa terlibat dalam tahun 1990, 1991 daa 1992.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]** : Tuan Yang di-Pertua, pihak universiti tidak memberi peruntukan kewangan kepada pelajar-pelajar untuk menjalankan Projek Anak Angkat di kawasan luar bandar. Pelajar-pelajar tersebut mendapatkan sendiri sumber kewangan bagi membiayai dan menjayakan projek tersebut.

#### **SKIM PINJAMAN MUDAH MODENISASI DAN AUTOMASI**

**7. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan dan kemajuan Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dilancarkan itu, nyatakan:-

- (a) berapa banyakkah modal permulaan yang disediakan bagi menjayakan skim itu; dan
- (b) sehingga kini, berapa buah syarikat (IKS) bumiputera dan bukan bumiputera merebut peluang dan memohon pinjaman menerusi skim tersebut dan berapa jumlah yang telah diluluskan.

**Tuan Chua Jui Meng;** Tuan Yang di-Pertua, Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bertujuan menggalakkan permodenan dan automasi IKS melalui penggunaan teknologi moden. Pinjaman ini adalah khusus bagi membantu industri-industri sokongan yang mempunyai rantai dengan industri-industri besar dan mempunyai potensi untuk berkembang. Peruntukan sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk skim tersebut. Peruntukan ini disalurkan melalui Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) iaitu agensi pelaksana bagi program tersebut.

Skim ini telah dilancarkan pada bulan february tahun ini dan sehingga 30hb April tahun ini, jumlah permohonan yang telah diterima adalah 12. 3 permohonan telah diluluskan. 8 permohonan masih di peringkat pertimbangan dan satu permohonan telah menarik balik permohonannya. Daripada jumlah keseluruhan permohonan, satu permohonan telah diterima daripada bumiputera dan 11 permohonan daripada bukan bumiputera.

Bagaimanapun, terdapat satu lagi skim iaitu Skim Pinjaman Mudah Industri Perabot dan Makanan Bumiputera yang mana dikhaskan untuk bumiputera sahaja. Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk skim ini ialah RM50 juta. Sehingga kini, 10 permohonan telah diterima dan 2 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM560,000 dan RM125,000 bagi setiap pemohon. Sementara itu 8 permohonan lagi masih di dalam proses pertimbangan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada skim pinjaman, apakah bantuan teknikal yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk kilang IKS, untuk memodenisasi dan mengautoroasikan kilang mereka?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada skim-skim yang saya sebutkan tadi, Kerajaan melalui SIRIM memperkenalkan teknologi-teknologi yang baru yang memberikan perundingan, (consultancy), dengan izin, kepada mereka yang berminat memperolehi consultancy tersebut.

Selain daripada itu, National Productivity Corporation (NPC) juga membekalkan perkhidmatan kepada kilang-kilang sederhana dan kecil yang berminat untuk menerapkan teknologi-teknologi yang dikemukakan oleh NPC.

**TANGKAPAN IKAN LAUT DALAM - BILANGAN LESEN**

**8. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) bilangan lesen yang telah dikeluarkan untuk tangkapan ikan lautan dalam;
- (b) berapa peratusan modal yang dimiliki oleh rakyat tempatan dan asing; dan
- (c) tahap kejayaan yang dicapai setakat ini dari segi penangkapan dan lain-lain.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan vesel penangkapan ikan laut dalam yang telah dilesenkan dan sedang beroperasi adalah 464 unit.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, modal adalah dimiliki sepenuhnya oleh rakyat tempatan seperti yang dikehendaki oleh Akta Perikanan 1985. Tidak ada rakyat asing yang memiliki modal tersebut.
- (c) Pendaratan oleh bot-bot laut dalam telah meningkat dari 58,313 tan metrik pada tahun 1988 kepada 150,843 tan metrik pada tahun 1991. Selain dari akibat pertambahan dari segi bilangan bot, peningkatan pengeluaran oleh bot-bot laut dalam adalah disebabkan oleh produktiviti bot yang meningkat hasil dari usaha Kementerian Pertanian mempromodkan teknik menangkap ikan dan penerokaan kawasan baru yang lebih berpotensi. Kajian menunjukkan produktiviti purata setahun bagi sebuah bot telah meningkat dari 280 tan metrik pada tahun 1988 kepada 343 tan metrik pada tahun 1991.

Prestasi kewangan bot-bot laut dalam yang beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 1991, khususnya di pantai Timur telah mencapai prestasi yang amat memuaskan. Purata pendapatan bersih tahunan setiap bot adalah sebanyak RM51,000 bagi bot jerut dan RM35,000 bagi bot tunda. Kadar pulangan purata tahunan ke atas modal ialah 16% bagi bot jerut dan 12% bagi bot tunda. Maklumat-maklumat ini adalah diperolehi melalui penggunaan buku log menangkap ikan oleh semua bot-bot laut dalam.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat banyak bot-bot nelayan tempatan yang telah ditangkap semasa mereka menjalankan penangkapan ikan. Apakah kesalahan-kesalahan mereka ini sehingga mereka ditangkap? Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-pertua, untuk menentukan penangkapan ikan baik di laut dalam dan juga di pantai berjalan dengan satu sistem yang licin dan baik, kita menggubalkan Rang Undang-undang Perikanan 1985 dan juga mengeluarkan beberapa regulations di bawah undang-undang tersebut, di mana ada peruntukan iaitu kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh bot-bot yang menangkap ikan, boleh ditangkap. Kesalahan-kesalahan yang biasanya dilakukan oleh bot-bot itu adalah berjenis-jenis. Tetapi biasanya mereka menangkap ikan di luar zon yang dibenarkan kepada bot masing-masing. Banyak lagi kesalahan-kesalahan yang lain.

Kita berharap kita mendapat kerjasama dari tuan punya bot-bot yang menangkap ikan supaya mereka menangkap ikan dalam kawasan yang dibenarkan melalui lesen.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah nelayan bot laut dalam ini selamat daripada diserang oleh perompak-perompak laut dalam negara dan luar negara. Jika tidak selamat, apakah usaha Kerajaan untuk menjaga keselamatannya?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya nelayan-nelayan yang menangkap ikan adalah diberi keselamatan, bukan sahaja oleh Jabatan, Perikanan melalui Pasukan Penguatkuasaan Marin Perikanan tetapi kita dapat juga kerjasama daripada Marin Polis, daripada TUDM dan TLDM untuk menjalankan operasi-operasi tertentu bagi mengawal perairan negara kita. Maka keselamatan adalah memuaskan, walaupun, dari masa ke masa ada juga satu, dua peristiwa yang berlaku, bukan sahaja di laut tetapi dalam darat pun berlaku juga. **[Ketawa]**

Tentang langkah-langkah yang diambil, baru-baru ini Kementerian Pertanian telahpun diberi kelulusan untuk melengkapkan pasukan penguatkuasaan dengan senjata supaya mereka dibekalkan dengan senjata untuk menentukan keselamatan dikawal dengan lebih berkesan.

#### **KAD PENGENALAN BEBMUTU TINGGI - PENGGUNAAN**

9. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada nombor Kad Pengenalan lama boleh digunakan bersama-sama dengan nombor Kad Pengenalan bermutu tinggi dan adakah pihak komputer Kerajaan sudah bersedia menerima nombor Kad Pengenalan baru ini, contoh: Jabatan Cukai Tanah, Pejabat Tanah dan lain-lain; dan

- (b) adakah tempoh masa yang ditetapkan untuk menukar Kad Pengenalan lama kepada Kad Pengenalan bermutu tinggi dipanjangkan. Berapakah lama tempoh masa diberi itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebelum tempoh penukaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi ditamatkan, kedua-dua nombor Kad Pengenalan plastik atau Kad Pengenalan KPT boleh digunakan untuk urusan sehari-harian. Penggunaan nombor Kad Pengenalan plastik atau Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) di dalam komputer Kerajaan adalah bergantung kepada borang yang disediakan mengikut kehendak agensi berkenaan.
- (b) Tempoh asal diberi kepada projek penukaran KPT adalah selama 6 tahun, iaitu berakhir pada tahun 1996. Kerajaan sedang mengkaji dan menimbang agar tempoh ini dilanjutkan lagi. Keputusan untuk melanjutkan tempoh tersebut akan dibuat pada satu masa yang sesuai.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa kad baru yang telah siap belum diambil balik atau dituntut balik oleh pemohon-pemohon. Adakah Keadaan ini berlaku oleh sebab Jabatan Pendaftaran Negara mengambil masa yang panjang untuk menukar kad pengenalan baru ini sehingga pemohon-pemohon sudah menukar alamatnya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikemukakan ialah kalau sekiranya sesuatu tempoh yang lama telah digunakan untuk memproses sesuatu permohonan, ianya tidak seharusnya menjadi satu faktor, sebab si pemohon apabila sehingga satu tempoh, katakan sudah lebih daripada 6 bulan, sepatutnya si pemohon itu menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara di mana permohonan beliau telah dihantar untuk menyemak, Jadi, saya tidak ambilkira faktor itu adalah faktor yang telah menyebabkan KPT yang tidak dikutip. Sebenarnya ada di antara mereka itu selepas dia pohon, tidak dapat dihubungi lagi. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua Yang Berhormat ataupun Wakil Rakyat, kalau ada kes-kes macam ini supaya rujuklah mereka kepada JPN berdekatan ataupun Ibu Pejabat untuk membuat pertanyaan.

**Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak tahu sahajalah mengenai bilangan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi yang telah dikeluarkan setakat ini, Bolehkah beritahu juga, agaknya berapa keping Kad Pengenalan Bermutu Tinggi boleh disiapkan dalam tempoh sebulan? Adakah kakitangan berkaitan mencukupi?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kad KPT yang telah siap sedia untuk dikutip setakat 31hb Mac, 1993 adalah sebanyak 2,527,624. Permohonan telah diterima oleh JPN setakat tarikh yang sama (31hb Mac) adalah 3,390,170. Pada masa ini, Jabatan Pendaftaran Negara sedang mengatasi masalah kekurangan kakitangan dan juga masalah teknik yang dihadapi oleh komputer JPN. Dijangka sekiranya semua usaha yang dijalankan itu adalah licin dan kita boleh berjaya, iaitu kira-kira setiap hari kita boleh proses

dan siapkan kira-kira ini ialah target kita - 10,000 sehari (hari-kerja). Tetapi oleh sebab terdapat tunggakan, iaitu banyak sangat yang kemukakan pada tahun lepas dan awal tahun ini, perlu kita adakan sedikit overtime, dengan izin. Jadi, target yang kita telah tetapkan untuk 3 bulan daripada sekarang ialah 11,000 sehari. Kalau mudah-mudahan semua ini berjaya, menjelang 3 bulan lagi prestasi JPN akan dapat kembali kepada keadaan normal, iaitu 10,000 tiap-tiap sehari.

#### PEMUDA-PEMUDI BERKHIDMAT DALAM ATM - GALAKAN

10. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pemuda-pemudi Malaysia memilih kerjaya dalam bidang pertahanan negara.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, ATM telah menjalankan beberapa langkah dan pendekatan ke arah menggalakkan pemuda-pemudi supaya tampil berkhidmat dalam ATM. Antara langkah dan pendekatan yang diambil ialah:-

- (i) memberikan pendedahan kepada para belia, khususnya pelajar-pelajar mengenai organisasi ATM, peluang-peluang kerjaya dan lain-lain kemudahan yang boleh disediakan oleh ATM. Perkara ini dilaksanakan dengan mengadakan program ceramah di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia yang mana program ini telah dijadikan aktiviti sepanjang tahun;
- (ii) ATM menubuhkan sekolah ketukangan aprentis di mana pelajar-pelajar yang menamatkan SRP ditawarkan untuk

- memasuki sekolah tersebut yang mana dibiayai sepenuhnya oleh ATM. Selepas tamat peperiksaan SPM dan mencapai umur 18 tahun, mereka akan terus berkhidmat sebagai askar-askar bagi mengisi perjawatan pasukan-pasukan teknikal;
- (iii) usaha awal di dalam memperkenalkan bidang ketenteraan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah ialah menerusi aktiviti-aktiviti ko-kurikulum sekolah-sekolah menengah, iaitu Persatuan Kadet Bersatu Malaysia; dan
- (iv) ATM juga ada menawarkan beberapa biasiswa kepada pelajar-pelajar dalam semua bidang, sama ada di institusi pengajian tinggi di dalam mahupun di luar negeri.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapa ramaikah pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi turut serta di dalam bidang ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan Lebih kurang 4,500 hingga 5,000 anggota tentera pada tiap-tiap tahun. Pada masa sekarang ini kita boleh memperolehi bilangannya, cuma dari segi kualitinya agak tidak begitu sampai ke tahap yang dihasratkan oleh kita.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan sedang berusaha bagi menggalakkan pemuda-pemuda untuk masuk berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata, tetapi dalam masa yang sama ramai di antara perajurit-perajurit yang belum sampai ke peringkat maksimum dalam perkhidmatan mereka telah berhenti dan tidak berhasrat untuk menyambung perkhidmatan sehingga membolehkan mereka bersara. Jadi, apakah rasionalnya mereka berbuat demikian? Adakah pihak Kerajaan mengambil sebarang tindakan bagi menggalakkan perajurit-perajurit ini menyambung perkhidmatan?

**Dato' Seri Haji Mohd, Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pegawai-pegawai ATM yang mohon berhenti lebih awal ialah kerana mereka mendapat tawaran yang lebih lumayan dalam sektor swasta. Ini agak sukar bagi Kerajaan untuk menandingi tawaran yang diberikan oleh sektor swasta dan masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh ATM, tetapi oleh Kerajaan pada keseluruhannya.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah Kementerian berpuas hati dengan sambutan daripada pemuda-pemudi yang bukan Melayu dalam menggalak mereka untuk menceburi kerjaya dalam bidang pertahanan negara?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita belum berpuas hati lagi kerana penyertaan di kalangan muda-mudi selain daripada keturunan Melayu agak mengecewakan. Walaupun usaha telah dijalankan, tetapi kita belum mendapat respons yang memuaskan.

**Dato' Azumu bin Tak:** [Bangum]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya hendak panggil Dato' Azumu bin Tak tentang soalan, bukan soalan tambahan. [Ketawa]

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 11.  
[Ketawa]

**MAS - JUMLAH DAN JENIS KAPAL TERBANG**

II. **Dato' Azumu bin Tak.** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kapal terbang yang dipunyai oleh MAS dan jenia-jenisnya dan apakah rancangan Kerajaan supaya kapal terbang MAS dibenarkan terbang di seluruh dunia melainkan Israel.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kapal terbang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 1 Jun 1993. adalah 83 buah. Jenis-jenis serta bilangannya adalah seperti berikut:.

<b>Jenis kapal terbang</b>	<b>Bilangan</b>
(i) B747 - 200 -	2 buah
Cii) B747 - 300 -	1 buah
Ciii) B747 - 400 (Combi) -	2 buah
(iv) B747 - 400 (penumpang)-	5 buah
(v) DCIO - 30 -	6 buah
(vi) Airbus 300-B4 -	4 buah
(vii) B737 - 200 -	5 buah
(viii) B737 - 300 -	1 buah
(ix) 3737 - 400 -	38 buah
(x) B737 - 500 -	2 buah
Cxi) F50 -	.11 buah
Cxii) Twin Otter -	6 buah

Kerajaansememangnya ada rancangan untuk memperluaskan rangkaian penerbangan antarabangsa MAS. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus mengadakan rundingan udara dengan lebih banyak negara bagi mendapatkan hak pendaratan bagi MAS dilebih banyak destinasi utama

dalam dunia ini, kecuali Israel.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu ketika dahulu terdapat lebih jumlah kapal terbang yang tidak beroperasi yang dipunyai atau disewa oleh MAS.

Soalan saya mengapakah keadaan itu berlaku?

Yang kedua, apakah rancangan jangka panjang bagi membolehkan penambahan destinasi selain daripada yang disebutkan tadi; dan

Yang ketiga adakah dengan adanya syarikat penerbangan nasional yang kedua kelak akan mewujudkan persaingan dan ini dapat meninggikan lebih lagi mutu perkhidmatan MAS?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang diPertua keadaan yang dikatakan 'kapal terbang berlebihan' itu tidak benar. Kerana kapal terbang yang dilihat 'tidak terbang' itu adalah kapal terbang yang di dalam maintenance, kerana kapal-kapal terbang ini terpaksa digilir-gilirkan untuk menentukan keadaannya sepanjang masa adalah selamat.

Dan mengenai destinasi, sebenarnya Kerajaan Malaysia telahpun menandatangani Perjanjian Udara dengan 63 negara. Dan setakat ini kita telah mendapat hak penerbangan di 53 buah negara dan destinasi-destinasi kita ke negara-negara yang telah mengadakan perjanjian ini berjalan dengan baik. Cuma kita akan terpaksa meningkatkan usaha-usaha supaya negara-negara yang telah kita menandatangani itu dapat dengan segera melaksanakan penerbangan

dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Satu lagi soalan Yang Berhormat tadi?

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Kalau diizinkan saya ingin menyebutkan, adakah dengan adanya syarikat penerbangan nasional yang kedua ini akan mewujudkan persaingan yang lebih dan dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan MAS?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Benar, persaingan itu akan dapat meningkatkan mutu dan juga akan dapat compliment di antara kedua-duanya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini soalan yang akhir.

#### **MARA HOLDINGS - PENGLIBATAN ANAK SYARIKAT DAIAM INDDSTRI**

12. Tuan Saidin bin Mohamad minca Menceri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan melalui MARA Holdings mempunyai anak syarikat membabitkan dalam industri pengangkutan air di Kawasan zon Utara terutama di Perlis, jikalau ada berapa banyakkah pelaburan dalam syarikat itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah biati Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, MARA Holdings Sdn. Bhd (MHSB) memang mempunyai anak syarikatnya yang membabitkan industri pengangkutan air di Kawasan zon Utara di Kuala Perlis, iaitu Syarikat Water Tour Development Sdn. Bhd.

Pelaburan MHSB dalam syarikat ini ialah sebanyak RM600,002 dalam bentuk modal saham dan RM5,625,000 dalam bentuk pembiayaan pajakan bot.

**Datuk Haji Ahmad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut siaran akhbar, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam mengatakan "mungkin MARA Holdings ini hendak ditutup kerana rugi" benarkah?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** MARA Holdings ini tidak ditutup, tetapi anak-anak syarikat di bawah MARA Holdings itu dikaji dari yang lemah akan ditutup.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut untuk hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 51 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1992 dan 1993) 1993****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (**8hb Jun, 1993**)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam saya nampak ada ramai yang hendak bercakap di bawah Rang Undang-undang ini. Dan saya telah membayangkan bahawa kemungkinan kita boleh membuka semula perbahasan, tetapi kerana keadaan-keadaan tertentu, nampaknya peraturan-peraturan kita tidak dapat memberikannya kerana keadaannya tidak begitu mendesak daripada segi pentadbiran Kerajaan.

Jadi, saya harap lain kali kalau ada minat di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap itu bangunlah cepat-cepat sedikit, sehinggakan di satu masa itu saya terpaksa merujuk kepada Setiausaha Parlimen untuk menjawab barulah ada Ahli Yang Berhormat yang bangun, itulah keadaannya. Ini dari segi taktik sahaja semalam, maka saya menyuruh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bagi menjawabnya. Bila dia menjawab, sekarang kita tidak boleh buka semula. Jadi, dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan menyambung jawapannya. Dipersilakan.

**3.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini, itu Yang Berhormat

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan, Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh dan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

Dari segi peraturannya, maka Kementerian Kewangan perlu menjawab bagi pihak semua Kementerian-kementerian yang mana Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan dan izinkan saya, pada kesempatan yang diberikan ini untuk memberi-jawapan kepada beberapa perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz antara lain berharap agar dengan kenaikan gaji kakitangan awam di bawah SSB ini maka prestasi khususnya pegawai-pegawai Kerajaan dalam menjawab soalan-soalan Dewan Negara dapat ditingkatkan. Perkara ini memang diberi perhatian dan ingin saya beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa setiap kali pegawai Kerajaan menjalankan tugas mereka, maka sama ada gaji dinaikkan ataupun tidak, memang mereka memberikan perhatian yang serius terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan supaya dapat soalan-soalan tersebut dijawab. Tetapi, harus disedari bahawa untuk memuaskan hati semua pihak memanglah sukar. Yang penting terdapat kesedaran yang tinggi untuk memberikan perkhidmatan yang secemerlang mungkin dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan

oleh Ahli Yang Berhormat.

Antara perkara-perkara khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri termasuklah berkaitan dengan Syeikhul Al-Arqam, di mana Tuan Haji Mohamed Nazri mencadangkan agar fahaman yang menjadi ikutan ahli pertubuhan itu diharamkan.

Dalam hubungan ini Kerajaan ingin memaklumkan bahawa walaupun Pertubuhan Al-Arqam itu tidak diharamkan kerana tidak berdaftar, tetapi fahaman yang menjadi ikutan ahli pertubuhan ini sedang dibanteras oleh Kerajaan. Antara program yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengikis fahaman Al-Arqam termasuklah memberikan kursus kepada ahli-ahli Al-Arqam. Program-program bertindak oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan terhadap aktiviti mereka serta menyekat dan seterusnya mengharamkan penerbitan-penerbitan yang disebarkan untuk mengembangkan lagi ajarannya. Selain daripada itu di kalangan Perkhidmatan Awam sendiri arahan telahpun dikeluarkan supaya sebarang kegiatan dan aktiviti yang melibatkan kumpulan ini diharamkan sama sekali.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga membangkitkan tentang jawapan kepada satu soalan Parlimen di Dewan Negara ini berkaikan dengan penyeludupan senjata api. Dalam hubungan ini Kementerian Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa sekiranya hasil siasatan mendapati penyeludup berkenaan telah kelakuan kesalahan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) D.R.37/71, maka ianya boleh didakwa di bawah Akta berkenaan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan juga sebatan.

Yang Berhormat Tuan Haji Nazri juga mencadangkan agar banduan patut membiayai sendiri sebahagian ataupun kesemua perbelanjaan mereka di penjara. Dalam hubungan ini, ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan telahpun bersetuju pada dasarnya untuk membenarkan banduan menjalankan pekerjaan termasuk di luar penjara. Tindakan selanjutnya sedang diambil untuk membolehkan banduan bekerja, seperti membuat pindaan kepada Akta Penjara dan Peraturan Penjara. Apabila rancangan ini dilaksanakan, maka sebahagian daripada biaya untuk perbelanjaan banduan di penjara akan ditanggung sendiri oleh banduan-banduan yang terlibat dan dengan itu dapat sedikit sebanyak meringankan beban yang ditanggung oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Haji Nazri juga membangkitkan tentang kesukaran rakyat Malaysia yang miskin untuk mendapat rawatan daripada Institut Jantung Negara kerana memerlukan ataupun melibatkan peraturan yang mungkin dianggap ketat.

Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telahpun menetapkan peraturan bahawa pesakit yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan dan mereka yang miskin yang memerlukan subsidi Kerajaan hendaklah mendapatkan pengesahan daripada Hospital Kerajaan terlebih dahulu sebelum mendapat rawatan di IJN. Walau bagaimanapun, dalam kes kecemasan, pesakit boleh terus mendapatkan rawatan di IJN tanpa perlu mendapatkan pengesahan daripada Hospital Kerajaan.

Dalam hubungan ini, ingin saya maklumkan bahawa peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Kesihatan berjumlah

RM135.142 juta dan daripada jumlah tersebut, kira-kira RM24.7 juta adalah untuk subsidi Kerajaan kepada IJN. Antara subsidi yang diperuntukkan itu termasuklah untuk membiayai belanja mengurus IJK dan juga subsidi perbelanjaan rawatan kakitangan Kerajaan dan pesakit-pesakit kelas tiga memang sudahpun dimasukkan ke dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dibentangkan ini. Oleh yang demikian, Kerajaan ingin memberikan jaminan bahawa kita akan melakukan apa sahaja untuk memastikan bahawa penduduk ataupun warganegara Malaysia yang miskin akan mendapat layanan yang sewajarnya daripada pihak IJN.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Nazri juga ada membangkitkan tentang pembinaan beberapa maktab MRSM baru, termasuklah di Sabah dan Sarawak dan juga khusus untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sepertimana yang dibina untuk Anggota Tentera. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi MARA atas keperihatinan beliau terhadap masalah pendidikan, khususnya pelajar-pelajar bumiputera. Perkara ini memerlukan kajian lanjut dan saya percaya Pengerusi MARA dalam kapasitinya sebagai 3 orang yang penuh bertenaga dan berwibawa akan mengemukakan pandangan ini kepada pihak-pihak berkenaan untuk pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengulas sedikit sebanyak beberapa pandangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan yang kesemuanya adalah berkaitan dengan Kementerian Pendidikan -

Pertama, beliau menyatakan bahawa guru bahasa Tamil pada masa ini tidak mencukupi. Memang benar guru bahasa Tamil tidak

mencukupi. Dan di antara sebab-sebab kenapa bilangan guru bahasa Tamil tidak mencukupi ialah kerana permohonan untuk mengikuti Kursus Perguruan Tamil, saya difahamkan, calon-calon yang memenuhi syarat-syarat yang minimum, iaitu lima kredit termasuk bahasa Malaysia dan bahasa Tamil adalah terhad. Perkara ini adalah di dalam perhatian Kerajaan dan saya percaya Kerajaan akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Tamil ini.

Berkaitan dengan guru sandaran, beliau menyambut baik keputusan Kerajaan untuk mengeneipkan keperluan supaya mereka menduduki Ujian Kelayakan. Tetapi Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan minta supaya syarat dilonggarkan bagi membolehkan syarat lima kredit itu dipenuhi walaupun tanpa memperolehinya dalam satu sitting, dengan iain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa mengikut peraturan yang sedia ada, memang syarat-syarat kelayakan telahpun dilonggarkan iaitu keperluan lima kredit itu tidak memerlukan seseorang menduduki peperiksaan SPM dalam satu sitting. Bermakna seseorang calon boleh mengambil peperiksaan SPM itu dalam beberapa sitting. Walau bagaimanapun, lima kredit gabungan dengan sijil selain daripada SPM, seperti Sijil Am Pelajaran adalah tidak diterima.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan ialah berkaitan dengan temuduga yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Disarankan supaya temuduga tersebut haruslah dihadkan kepada isu-isu berkaitan dengan profesion perguruan. Dalam hubungan ini, ingin saya memaklumkan bahawa

temuduga yang dijalankan memang menitikberatkan aspek perguruan-tetapi selaras dengan, perkembangan sekeliling semasa. Memang soalan-soalan berkaitan dengan perkara-perkara lain juga ditanya bagi memastikan bahawa calon-calon untuk mengikuti Kursus Perguruan itu merupakan calon yang benar-benar berkelayakan dan berminat dalam profesion perguruan. Itulah antara beberapa perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan.

Seterusnya, saya ingin menjawab dua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow. Pertama, berkaitan dengan peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam, dan yang kedua, berkaitan dengan peruntukan untuk pencegahan banjir di Kuala Lumpur.

Pertama, berkaitan dengan peruntukan tambahan yang dipohonkan sebanyak RM29 juta bagi Kementerian Perusahaan Awam, dalam hubungan ini, ingin Saya memaklumkan bahawa keputusan untuk menubuhkan Tabung Pusingan ataupun, dengan izin, Endowment Fund bagi membiayai German-Malaysia Institute yang dipohonkan di bawah peruntukan tambahan ini dibuat hanya selepas Belanjawan (Tahunan) 1993 dibentangkan di Parlimen. Oleh itu, keperluan peruntukan tambahan ini tidak sama sekali mencerminkan kelemahan perancangan Kerajaan dan tidak juga mencerminkan poor budgeting, dengan izin, tetapi adalah kerana keadaan terdesak di atas keperluan menubuhkan institut ini hanya diputuskan oleh Kerajaan setelah Belanjawan Tahunan dibentangkan oleh Kerajaan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Oleh itu, ingin ditegaskan sekali lagi bahawa peruntukan tambahan RM29 juta ini tidak sekali-kali menggambarkan bahawa Perbendaharaan

ataupun Kerajaan kurang teliti dalam menyediakan peruntukan bagi program-program dan aktiviti-aktiviti yang sedia ada,

Yang kedua, berkaitan dengan program mencegah banjir di Bandaraya Kuala Lumpur juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow. Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudahpun mengeluarkan kenyataan iaitu oleh kerana hujan yang berlaku itu amat lebat dalam tempoh masa yang amat singkat, iaitu 4 jam, maka mustahil bagi apa-apa sistem saliran dan perparitan untuk mengendali atau menangani masalah yang timbul pada hari yang berkenaan. Dalam pada itu, ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran sudah dan sedang menjalankan beberapa projek tebatan banjir di Kuala Lumpur. Projek-projek tersebut antara lainnya termasuklah seperti berikut:

Pertama, pembinaan empangan-empangan Sungai Batu yang telahpun siap pada tahun 1987 dengan belanja sebanyak RM19.7 juta;

Kedua, Empangan Kelang Gate yang siap pada tahun 1980 dengan kos RM3.4 juta,

Pada masa ini pihak yang berkenaan iaitu Jabatan Parit dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek penyaluran dan pembaikan sungai-sungai utama sepanjang 94.7 kilometer, iaitu Sungai Kelang, Sungai Gombak dan Sungai Batu dan sehingga kini kira-kira 15% daripada kerja-kerja tersebut telahpun siap, iaitu kira-kira 13.3 kilometer sungai telahpun diperbaiki salurannya.

Selain daripada itu, Jabatan berkenaan juga sedang merabina sebuah kolam takungan banjir Sungai Batu dan Terusan Gombak, dan kos kesemua projek ini yang dijangka siap hanya pada tahun 2007 ialah kira-kira RM760 juta - itu kos keseluruhan. Setakat ini belanja yang telahpun dilaksanakan ialah RM207 juta - iaitu hampir kira-kira 30% daripada rancangan telahpun siap - RM200 juta daripada jumlah peruntukan ataupun anggaran perbelanjaan sebanyak RM760 juta.

Seterusnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam - dua persoalan dibangkitkan; yang pertama, beliau ingin tahu ataupun menyarankan supaya Kerajaan lebih gigih dalam usaha-usahanya dalam membantu bumiputra supaya diberi galakan untuk berkembang. Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa melalui agensi-agensinya, khususnya Kementerian Perusahaan Awam sedar akan tanggungjawab untuk membangunkan perusahaan bumiputera, dan setiap usaha yang perlu akan dijalankan bagi mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. KPA umpamanya telahpun antara lain menubuhkan Dataran Usahawan Negara yang sedang beroperasi di Medan MARA, mengadakan kursus dan lain-lain kemahiran untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Salam ialah beliau menyarankan supaya Kerajaan melaksanakan semua resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang berlangsung baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa kesemua resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera yang Ketiga itu telahpun ditimbang oleh Jawatankuasa Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Terdapat 63 resolusi kesemuanya sekali, dan Kerajaan

telah pun mengenalpasti bidang-bidang utama dalam resolusi-resolusi tersebut. Tindakan susulan ke atas resolusi itu sedang diteliti oleh agensi-agensi berkenaan. Ingin saya maklumkan bahawa di antara resolusi tersebut ada di antaranya telahpun dilaksanakan ataupun sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kita ingin memberi jaminan bahawa adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk menyokong sebarang usaha yang akan dapat menjayakan matlamat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian/perusahaan bumiputera.

Tuan Yang di-pertua, seterusnya Yang Berhormat Puan Rohaya membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan latihan, khususnya latihan di peringkat JKKK, dan juga dibangkitkan tentang kemudahan latihan (KEMAS) yang mengikut beliau, tidak digunakan sepenuhnya. Kerajaan telah mengambil perhatian - Kementerian berkenaan iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengambil perhatian tentang pandangan yang disuarakan oleh beliau, dan insya Allah kita akan menyiasat aduan-aduan yang dibuat i.tu.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Rahaiah ialah berkaitan dengan perlunya ditingkatkan peruntukan bagi menyediakan tempat tinggal kepada penuntut-penuntut universiti, kerana mengikut beliau, yang disediakan tempat hanyalah penuntut-penuntut tahun pertama, dan oleh kerana penuntut-penuntut lain, tahun-tahun dua, tiga dan seterusnya tidak disediakan sepenuhnya tempat penginapan, maka ini telah menjejaskan prestasi mereka di universiti; Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa Kerajaan kalau boleh hendak buat semuanya, tetapi oleh kerana peruntukan itu terhad maka Kerajaan tidak boleh dan tidak mampu

hendak menampung keperluan semua pelajar yang sedang menuntut di universiti pada masa ini. Walau bagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa di universiti baru, umpamanya di Universiti Utara Malaysia, semua pelajar ditempatkan di asrama, kerana bilangan pelajar ketika ini masih kecil dan tempat tinggal di luar kampus adalah terhad.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Rahmah membangkitkan tentang elaun untuk mereka yang memegang ijazah doktor falsafah. Yang Berhormat Puan Hajah. Rahmah menyarankan agar mereka yang memegang ijazah doktor - falsafah itu diberikan elaun pakar, sepertimana juga yang diberikan kepada doktor-doktor pakar yang sedang berkhidmat di hospital dan di tempat-tempat lain di negara kita. Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa ada perbezaan antara doktor-doktor pakar yang berkhidmat di hospital-hospital diperolehi oleh doktor perubatan itu adalah digunakan secara langsung dalam tugas hakiki mereka sebagai doktor pakar. Oleh itu, kelayakan pakar adalah satu keperluan yang tidak boleh dielakkan oleh seorang doktor perubatan yang memberikan rawatan pakar. Kelulusan Ph.D. pula adalah satu kelulusan untuk mempertingkatkan keupayaan seseorang itu dalam melaksanakan tugas hakikinya. Akan tetapi, kelayakan ini bukan merupakan satu kelayakan mutlak yang mesti dimiliki oleh seorang itu untuk menjalankan tugas hakikinya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan biasa sekiranya seorang itu mempunyai ijazah Ph.D. dan kemampuannya lebih daripada pensyarah-pensyarah lain umpamanya, maka sudah sepastinyalah pensyarah-pensyarah berkenaan mempunyai masa hadapan, yang, lebih

cerah berbanding dengaa pensyarah-pensyarah lain yang tidak mempunyai ijazah Ph.D.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mustapha, Puan Rahmah minta laluan.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Saya ingin tahu berkenaan dengan Doktor Falsafah ini - kalau sekiranya ia didapati prestasinya tinggi, apakah Kerajaan telah buat kajian tentang ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam institusi-institusi tertentu, umpamanya institusi-institusi penyelidikan - Puaat Penyelidikan Getah (Rubber Research Institute) ataupun Forest Research Institute (FRIM) di mana terdapat ramai graduan-graduan Ph.D. Saya difahamkan bahawa raereka raemenag diberi perhatian yang lebih, bcrbanding dengan rakan-rakan mereka yang lain dari segi kenaikan gaji dan juga kenaikan pangkat. Berkaitan dengan mereka yang berkhidmat di universiti pula, maka terdapat beberapa kelayakan untuk membolehkan seorang itu naik pangkat, bukan sahaja tertakluk kepada "paper qualification" ataupun ijazah kertasnya, tetapi ada juga syarat-syarat lain, termasuklah kemampuan mengajar dengan baik, kemampuannya menghasilkan bahan-bahan penyelidikan yang tinggi mutunya. Jadi, dengan itu, ijazah Ph.D. ini memang memberi faedah kepada pemegang-pemegang yang berkenaan, tetapi bukan itu sahaja syarat yang diperlukan ada lagi syarat-syarat lain yang membolehkan seorang pemegang ijazah Ph.D. itu mendapat 'pcomotion' ataupun kenaikan pangkat yang lebih pantas, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang lain.

Seterusnya, saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan juga oleh Puan -Hajah Rahmah, iaitu berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang sekarang ini sedang dirancang pembinaannya dan dijangka siap pada tahun 1997. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah syarikat bernama KLIA bagi melicinkan pelaksanaan projek Lapangan Terbang Sepang ini. Untuk memastikan supaya ia siap mengikut jadual, dan selain daripada itu untuk memudahkan kerja-kerja rancangan projek ini, saya ingin memaklumkan bahawa Jawatankuasa Pemandu KLIA telahpun dipindahkan daripada Kementerian Pengangkutan dan ditempatkan di bawah Kementerian Kewangan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Rahmah ialah dari segi penglibatan kontraktor dan juga konsultan bumiputera dalam pembinaan Lapangan Terbang tersebut. Dalam hubungan ini, ingin saya maklumkan bahawa projek pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur merupakan projek infrastruktur yang terbesar yang pernah dikendalikan oleh Kerajaan. Sebelum ini tidak ada projek yang raksasa seperti ini yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Oleh kerana ia merupakan projek yang terbesar, Kerajaan akan memastikan bahawa kontraktor tempatan dan kontraktor-kontraktor bumiputera khususnya akan diberi peluang sewajarnya untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembinaan yang akan dijalankan kelak. Itulah soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah.

Akhirnya, beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh....

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Hajah Rahmah, minta laluan untuk penjelasan. Silakan.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, apakah pakar-pakar JKR atau IKRAM rnisalnya, adakah diajak berunding bersama di dalam masalah ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan itu dianggotai oleh pakar-pakar yang terdapat dalam negara kita, termasuklah pegawai-pegawai terkanan di JKR, pegawai-pegawai terkanan di Kementerian Kewangan. Mereka memang diberikan peranan untuk meneliti laporan-laporan yang disediakan oleh konsultan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melantik sebuah syarikat consultant bernama Anglo-Japanese Consortium Sdn Bhd. (AJAC) untuk membuat kajian dan menyediakan Pelan induk KLIA dan kajian yang disiapkan oleh AJAC ini telahpun dikaji semula oleh sebuah lagi syarikat yang berpusat di Belanda, yang bernama NACO dan di dalam mengkaji laporan-laporan yang dikemukakan, baik oleh pihak consultant AJAC dan juga NACO ini, maka pegawai-pegawai terkanan kita, pakar-pakar kita dalam bidang kejuruteraan, kewangan dan sebagainya terlibat sama.

Seterusnya, beberapa soalan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hanipah. Yang pertama, berkaitan dengan saranan beliau agar kemudahan-kemudahan di hospital Besar Kangar di pertingkatkan. Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa Hospital Besar Kangar adalah salah sebuah hospital yang dimasukkan dalam Rancangan Pelan- induk dan Pembangunan Semula di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Hospital Besar Kangar akan dibangunkan semula dan akan ditambah bilangan katilnya dengan mengambil kira kemudahan rawatan kepada anggota keluarga berasaskan perakuan yang terkandung dalam Sistem Saran Baru dan juga kadar penggunaan kecil.

Mengenai pakar perubatan, saya difahamkan bahawa bilangan yang ada di Perlis pada masa ini akan ditambah apabila terdapat pakar yang berkecukupan.

Yang Berhormat Tuan Hanipah juga membangkitkan tentang beberapa perkara Lain. berkaitan dengan. Kementerian Kesihatan termasuklah cadangan supaya dikurangkan kecuaiian di hospital yang telah diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan, juga beliau membangkitkan tentang penglibatan anggota dalam jenayah, dicadangkan supaya diselesaikan isu sepadan dengan Thailand secepat mungkin juga disarankan supaya didirikan sebuah lagi MRSM di Perlis, ini semua telah diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Beliau juga menyarankan agar kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memainkan peranan lebih gigih untuk memupuk perpaduan. Ini juga memang dalam pertikaian Kerajaan dan Kerajaan secara berterusan melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan lagi ataupun memastikan bahawa perpaduan negara kita ini sentiasa bukan sahaja terpelihara, tetapi akan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua**, bagi pihak kementerian Kewangan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ketujuh-tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan sebagaimana yang dimaklumkan. mana-mana perkara yang telah tidak saya sentuh tadi, sudah pasti telah mendapat perhatian Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Dan dengan itu, saya ucapkan sekali lagi terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan kali Yang Ketiga**

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujui tanpa pindaan. Mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2), saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993 dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak. Cheng Lim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG                      PENTADBIRAN                      UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)      1992

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.05ptg**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri undang-undang**

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar;** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, penubuhan dan organisasi Mahkamah-Mahkamah Syariah, dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini perlu diadakan bagi mengganti dan memperkemaskan peruntukan-peruntukan mengenai pentadbiran undang-undang Islam yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1952 sebagaimana yang diubahsuai pada tahun 1974 untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pada tahun 1984 bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang pentadbiran yang terdapat dalam Enakmen tersebut adalah tidak lengkap dan kurang sesuai memandangkan ianya digubal pada tahun 1952 lagi. Undang-

undang yang dicadangkan ini telah digubal dan dihalusi oleh sebuah Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Penggubalan Undang-undang Islam yang dilantik Khas oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Jawatankuasa berkenaan telah memberi perhatian yang teliti bagi memastikan agar peraturan yang digubal tidak bertentangan sama ada dengan hukum syarak ataupun menjadi kurang praktikal serta meuyusahkan orang ramai dari segi pentadbiran. Dalam hubungan ini, penubuhan fungsi dan peranan sesuatu badan yang ditadbirkan di bawah Akta ini telah dihuraikan dengan lebih mendalam agar pentadbiran yang mudah dan lebih teratur dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan, izinkan saya menerangkan beberapa ciri-ciri penting mengenai undang-undang tersebut. Peruntukan-peruntukan yang melibatkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Fasal 4 hingga 31 merujuk kepada penubuhan, peranan dan fungsi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah satu badan yang ditubuhkan untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuaa Agong di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam sebagai satu badan yang juga menguruskan harta-harta wakaf. Di dalam menjalankan tanggungjawabnya, Majlis boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa atau Lain-Lain perbadanan bagi membantunya di dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Oleh yang demikian, dengan adanya Akta ini, maka cara-cara pengendalian urusan pentadbiran Majlis akan menjadi lebih teratur dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut dan membolehkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menjalankan peranannya dengan lebih berkesan demi kesejahteraan sosio-ekonomi orang Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Fasal 32 hingga 39 merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh mufti dan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak atau fatwa. Peruntukan Akta ini membolehkan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melantik mufti sebagai penasihat di dalam hal ehwal Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan. Peranan dan tanggungjawab mufti adalah untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan hukum syarak dan samping bertanggungjawab mengenai sesuatu fatwa. Di dalam menjalankan tugasnya mengenai fatwa, satu badan yang dinamakan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak hendaklah ditubuhkan bagi membantu beliau didalam mengeluarkan sesuatu fatwa.

Pasal 40 hingga 57 Akta ini menjelaskan mengenai perlantikan peranan dan fungsi Mahkamah Syariah. Di antara lain ianya memperuntukan mengenai perlantikan Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim Syarie dan Pendaftar Mahkamah. Di samping itu, Akta ini juga menerangkan peringkat-peringkat Mahkamah dan bidangnya.

Dengan adanya Akta baru ini, ianya akan memudahkan lagi urusan pentadbiran Mahkamah Syariah dan dapat meningkatkan lagi keupayaan Mahkamah Syariah di dalam mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Di dalam pentadbiran Mahkamah Syariah, Pendakwa-pendakwa Syarie dan Peguam Syarie tidak terkecuali dari terlibat dengan pentadbiran Mahkamah Syariah. Oleh hal yang demikian, di dalam Akta ini diwujudkan peruntukan di bawah Pasal 58 dan 59 mengenai Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie. Dengan penglibatan Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie akan memudahkan urusan perbicaraan di Mahkamah Syariah dan keadilan yang saksama dapat dijalankan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan kewangan orang-orang Islam di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan maka Fasal 60 hingga Fasal 71 diwujudkan bagi membolehkan penubuhan Baitulmal. Badan ini berfungsi sebagai suatu badan yang menguruskan harta-harta yang menjadi amanah kepada Majlis, terutamanya harta wakaf dan 'nazi' Akta ini memperuntukkan cara-cara harta tersebut perlu diuruskan agar ianya bermanfaat kepada masyarakat Islam di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di Pertua, masjid merupakan tempat ibadat yang menjadi tumpuan masyarakat Islam. Untuk membolehkan ianya diuruskan dengan lebih licin, teratur dan berkesan, maka Fasal 72 hingga Fasal 83 diwujudkan. Peruntukan-peruntukan ini menjelaskan fungsi dan peranan sesuatu masjid, soal-soal pentadbiran masjid dan orang-orang yang diberikan hak untuk menguruskannya. Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini, maka adalah dianggap bahawa pentadbiran sesuatu masjid akan dapat dipertingkatkan lagi bagi kepentingan dan kemakmuran masyarakat di Wilayah Persekutuan,

Tuan Yang di-Pertua, bagi masyarakat yang hendak memeluk agama Islam pula, peruntukan Fasal 85 hingga Fasal 94 menerangkan cara-cara seorang muallaf diuruskan pengislamannya dan proses-proses pendaftarannya. Walaupun di dalam Islam seseorang yang tidak beragama Islam boleh memeluk agama Islam apabila mencapai umur baligh, namun setelah mengambil kira perkembangan semasa maka Fasal 95 diperkenalkan bagi membolehkan seseorang yang tidak beragama Islam memeluk agama Islam apabila ia mencapai umur 18 tahun atau jikalau ia berumur di bawah 18 tahun, maka ia perlu mendapat persetujuan dan keizinan dari ibu bapa atau penjaganya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan, Akta ini juga ada membuat peruntukan mengenainya. Bagi maksud ini Majlis dikehendaki melantik Jawatankuasa Pengawasan Pengajian Agama Islam bagi mengawasi pendidikan Islam. Di samping itu juga, Majlis mempunyai kuasa untuk mendaftarkan sekolah-sekolah agama yang terdapat di Wilayah-wilayah Persekutuan.

Jelas dari peruntukan Fasal 95 hingga Fasal 97, pendidikan Agama Islam diberi perhatian yang serius agar ianya dapat melahirkan masyarakat Islam yang berpendidikan, berakhlak dan berilmu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperakukan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992 ini dikuatkuasakan di Wilayah-wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berpegang kepada asas-asas pertimbangan seperti berikut:-

- i) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 yang dipakai di Wilayah-wilayah Persekutuan adalah pada hakikatnya undang-undang negeri Selangor yang dipinjam pakai oleh Wilayah-wilayah Persekutuan. Ianya adalah satu undang-undang yang boleh dikatakan lama iaitu berkanun pada tahun 1952. Oleh itu, adalah perlu suatu undang-undang baru bagi menggantikannya. Tambahan pula, Enakmen tersebut tidak mempunyai naskhah Bahasa Malaysia yang sah untuk digunakan sebagai rujukan.
- (ii) Rang Undang-undang ini bukan sahaja setakat memperbaharui Enakmen tersebut tetapi dilengkapi dan dikemaskinikan dengan peruntukan-peruntukan yang berseesuaian demi mempertingkatkan lagi pentadbiran hal ehwal Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan,
- (iii)** Rang Undang-undang ini memperuntukkan struktur baru badan kehakiman syariah yang sangat diperlukan bagi memastikan keadilan dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Struktur-struktur, baru badan kehakiman

itu diharapkan dapat meningkatkan keupayaan, menampung beban yang semakin bertambah ke atas Mahkamah-mahkamah Syariah serta menaikkan prestasi dan taraf badan kehakiman syariah.

- (iv) Terlalu banyak pindaan, tambahan dan pengubahsuaian telah dilakukan kepada Enakmen asal. Oleh yang demikian, adalah perlu satu undang-undang yang lengkap diwujudkan.
- (v) Beberapa peruntukan baru telah ditambah bagi memastikan tindakan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan undang-undang lain.
- (vi) Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia telah meluluskan Undang-undang Pentadbiran Islam yang pada asasnya mempunyai peruntukan yang seragam.

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa Akta ini amat diperlukan bagi menggantikan peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Islam yang masih lagi berkuatkuasa, Masalah-masalah pentadbiran undang-undang Islam dapat diatasi dan penyusunan semula pentadbiran dapat dibuat bagi memenuhi kehendak-kehendak masyarakat Islam masa kini. Kedudukan Mahkamah Syariah dapat dipertingkatkan lagi dengan wujudnya sistem kehakiman syariah secara yang lebih sempurna dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli. Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan suatu undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, penubuhan dan organisasi Mahkamah-mahkamah Syariah dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha.

**4.15 ptg.**

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan untuk saya mengambil bahagian untuk membahas dan menyokong suatu Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia, yang telahpun memberi penerangan secara detail tadi telah mengubah semula suatu Akta Pentadbiran Undang-undang Islam yang telah dipakai semenjak tahun 1952 yang lalu. Ertinya Undang-undang islam (Wilayah-wilayah Parsekutuan) ini adalah undang-undang yang digubal semenjak dari zaman penjajah lagi dan sekarang ini undang-undang ini dipinda dengan hasrat bagi pihak Karajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan suatu undang-undang yang benar-benar terjamin untuk menjaga dan mempertingkatkan kedudukan umat Islam, khususnya di negeri-negeri di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan.

Sebenarnya, saya ingin menitikberatkan berkenaan dengan Pasal 72 dan Fasal 74, iaitu mengenai institusi masjid. Dalam menggubal Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1992 ini, yang saya nampak selain daripada perkara-perkara mengenai Mahkamah Syariah iaitu mengenai nazrul-am (harta wakaf) ataupun mengenai kemasukan orang-orang bukan Islam ke dalam agama Islam, saya juga suka menitikberatkan terlebih dahulu mengenai masjid dan fungsi masjid sebagai suatu institusi yang terpenting di dalam Islam sendiri. Saya bimbang kalau tidak digubal peraturan yang begitu rapi, begitu tersusun dengan baik mengenai fungsi masjid ini, maka apa yang telah terjadi seperti di negeri Kelantan akan juga menyelinap masuk ke dalam negeri-negeri lain atau Wilayah-wilayah Persekutuan.

Barangkali di negeri Kelantan, beberapa perkara yang terjadi kepada Pegawai-pegawai Masjid, Imam-imam dan sebagainya adalah kerana tidak diberi keilmuan yang begitu tinggi hingga mereka boleh diperalatkan oleh sesuatu pihak yang tidak bertanggungjawab. Pada saya Pegawai-pegawai Masjid ataupun Naqid Masjid, Imam-imam dan Bilal-bilal serta semua sekali yang terlibat dengan masjid hendaklah dipertingkatkan keilmuan mereka. Mereka hendaklah diberi bukan sahaja kursus tetapi diberikan suatu kelas agama di dalam pengajian Islam yang dapat melayakkan diri mereka sebagai pegawai masjid di tiap-tiap kariah di kawasan yang diwujudkan masjid. Kerana apa yang kita lihat pada hari ini ada di antara para Imam-imam yang kedapatan membaca khutbah yang hanya ditulis tetapi ada di antara mereka yang tidak mengetahui apakah yang dibaca oleh mereka. Kita tidak mahu

khutbah-khutbah jumaat di masjid-masjid hanyalah dibaca sebagai suatu bahan bacaan sahaja dan tidak memahami isi kandungannya yang sebenar.

Pada pandangan saya ini adalah kerana kurangnya peningkatan keilmuan di kalangan para Imam-imam dan juga Pegawai-pegawai Masjid yang telahpun dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri-negeri dan kalau di dalam Wilayah Persekutuan, maka ia hendaklah dipertingkatkan keilmuan ini dan dipanggil ulama-ulama Islam yang terkenal untuk diberi ilmu-ilmu terutamanya di bidang-bidang sosial negara seperti yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga mengenai Fasal 4 hingga 31, mengenai fungsi Majlis Agama Islam. Fungsi Majlis Agama Islam ini saya difahamkan ialah menasihati Agong., kalau di negeri lain menasihati Sultan, ataupun mengenai masalah harta wakaf dan sebagainya tetapi fungsi Majlis Agama Islam ini perlu diperluaskan lagi. Saya pohon mencadangkan supaya fungsi Majlis Agama Islam ini diperluaskan sampailah kepada bidang penubuhan pengajian-pengajian Islam di dalam tiap-tiap kampung dan tempat. Dan juga hendaklah ditubuhkan satu Jawatankuasa khusus untuk menyiasat mengenai kedudukan ilmu-ilmu yang salah yang sedang tumbuh di serata tempat, khususnya di kawasan-kawasan yang saya tidak tahulah apakah di Wilayah ini wujud golongan-golongan Al-Arqam, tabligh dan yang telah menyeleweng dan sebagainya.

Fungsi Majlis Agama Islam ini sangat besar kerana ia juga merupakan salah satu daripada apa yang disebutkan oleh Rasulullah S.A.W. Saya menganggap mereka ini terdiri daripada para-para ulamak selain daripada mereka-mereka yang dikombinasikan bersama, maka mengikut Rasulullah, dengan izin: **[Sambil membacakan Sabda Rasulullah S.A.W.]** yang bermaksud,. "Ulamak adalah warisan para-para Nabi". Maka mereka ini menjunjung satu tugas ataupun satu tanggungjawab yang besar dan amanah yang besar dalam menentukan bahawa kedudukan Islam di dalam sesebuah negeri dan juga pengajaran, penyiaran Islam di dalam sesebuah negeri itu akan dapat berjalan,

dengan baik tanpa ada elemen-elemen negatif ataupun perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah umat Islam sendiri.

Jadi, apa yang ada pada hari ini, saya dapati Majlis Agama Islam sendiri kadang-kadang gagal untuk membanteras ataupun untuk membuat pengawalan terhadap ilmu-ilmu Islam yang salah dijalankan oleh ajaran-ajaran sesat yang berlaku dalam negara ini. Jadi, saya memohon kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya fungsi Majlis Agama Islam ini diperluas kerana apa yang ada pada hari ini, pada saya, tidak begitu efektif kalau dibandingkan apa yang sedang berjalan pada hari ini dalam membanteras ajaran-ajaran sesat yang berlaku di seluruh negara ataupun di Wilayah Persekutuan.

Mengenai Fasal 32 hingga 39 iaitu perlantikan Mufti dan juga mengenai fatwa. Saya suka menyatakan di sidang yang mulia ini iaitu Mufti ini memanglah merupakan satu perlantikan yang terpenting dalam sesuatu Majlis Agama Islam. Maka apa yang kita lihat pada hari ini, seolah-olahnya Mufti sudah tidak mempunyai fungsinya lagi dalam mengeluarkan fatwa-fatwa ini, kerana banyak fatwa yang dikeluarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab tetapi ada Mufti-mufti yang hanya diam membisu tanpa mengambil peranan bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu kadangkala menimbulkan suasana yang agak keruh ataupun menjadikan umat Islam sendiri dalam keadaan serba salah kerana beberapa fatwa yang bercanggah terang, nyata dan jelas terhadap akidah umat Islam sendiri.

Saya nyatakan seperti apa yang berlaku kepada Al-Arqam, apa yang berlaku kepada satu golongan tabligh, apa yang berlaku juga kepada beberapa fahaman khurafat yang ada di dalam PAS sendiri; dikeluarkan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab secara berleluasa. Tetapi Mufti yang diamanahkan, bukan sahaja diamanahkan oleh Kerajaan tetapi diamanahkan oleh Allah S.W.T. kerana ia merupakan satu tugas dan tanggungjawabnya bahawa segala fatwa yang dikeluarkan itu sepatutnya Mufti bangun menyatakan sama ada menerusi media-massa ataupun sama ada menyatakan ini kepada masyarakat Islam seluruhnya; berani berdepan bahawa fatwa itu salah dan inilah fatwa yang sebenar yang dikehendaki oleh Rasulullah S.A.W. dan agama Islam kita sendiri.

Saya suka mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin..

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Zaleha, Tuan Hanipah minta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Dalam penghujahan disebut pelaksanaan Islam di Kelantan dan disebut sebutan "Mufti" dalam sebutan itu. Bolehkah saya difahamkan, adakah sebutan "Mufti" yang tidak bertanggungjawab itu "Mufti." yang berasal dari negeri Kelantan ataupun negeri lain di Malaysia?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua saya menyatakan secara am iaitu tidak terbatas hanya kepada negeri

Kelantan. Bahkan seluruh Mufti di seluruh negara ini, bukan saya katakan tidak bertanggungjawab tetapi harus mengambil suatu dayausaha untuk membanteraskan sebarang fatwa-fatwa yang bercanggah dengan fatwa Islam sendiri. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat Rasulullah sendiri pernah mengatakan; **[Sambil membacakan Sabda Rasulullah S.A.W]** yang bermaksud, "Siapa yang hidup selepas aku nanti, kamu akan lihat umatku akan berselisih-faham yang banyak". Berselisihan faham di bidang mana? Dengan iain, Tuan Yang di-Pertua, **[Sambil membacakan Sabda Rasulullah S.A.W.]** yang bermaksud, "Perkara-perkara baru yang tidak ada di zamanku tetapi ada di zaman kini". Perkara-perkara baru ini raemang cerjadi sckarang. Brbagai-bagai perkara. Di zaman Rasulullah S.A.W. dahulu mana ada parti politik? Dia ada politik "al-siasah" tetapi tidak ada parti. Ini "mudhasatul umur", benda baru.

Begitu juga di zaman Rasulullah dahulu. tidak ada perkara-perkara pembangunan-pembangunan yang begini tinggi. Perkara baru ini perlu diselesaikan oleh pihak-pihak yang mempunyai keilmuan agama yang tinggi khususnya Mufti yang bertanggungjawab untuk menyatakan kepada rakyat umum apakah Fatwa yang dikeluarkan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini hendaklah segera diberi suatu penyelesaian yang baik.

Sekarang ini saya sebagai salah seorang yang terlibat di bidang pengajian agama, saya merasakan isu-isu yang berlaku di seluruh negara pada hari ini, masalah isu kafir-mengkafir, masalah isu

mengenai perpecahan umat Islam, masalah isu penggunaan masjid sebagai alat politik, masalah isu menuduh dan menfitnah sesama Islam. Banyak perkara yang tidak perlu saya sebutkan di sini secara detail kerana ia memerlukan masa yang begitu panjang. Tetapi para-para Mufti, para-para ulamak membisu seribu bahasa. Apakah kesan ataupun Akta-akta, Enakmen-enakmen yang ada di dalam Majlis Agama Islam yang mana tugas dan tanggungjawab Mufti dalam pelaksanaan fatwa ini tidak dapat dijalankan.

Saya menyeru dan saya mengharapkan supaya para-para Mufti hendaklah berani. Berani bukan hanya mengeluarkan fatwa tetapi berani menyelesaikan fatwa-fatwa karut yang sedang berleluasa dalam negara ini. Hendak sebut masalah fatwa yang digunakan oleh Syeikhul Arqam, apa yang telah berlaku dalam Arqam pun jarang kita tengok. Walaupun media-massa begitu berusaha mencungkil, mem'provoke' supaya ada di antara para-para cerdik-pandai Islam, ulamak-ulamak Islam menyatakan dengan berani khususnya para Mufti mengenai apa yang terjadi dalam negara kita kini.

Jadi, pada saya peranan Mufti dan juga mengenai masalah fatwa ini haruslah dipandang serius kerana ia boleh menentukan mengenai akidah umat Islam di negara ini. Saya memohon kepada Jabatan Perdana Menteri dan mereka yang terlibat, supaya di dalam penggubalan Akta mengenai Mufti dan fatwa ini, ia perlulah diberi suatu penekanan yang lebih tepat mengenai fungsi, tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun saya rasa mudah ada tugas dan tanggungjawab ini di mana-mana Majlis Agama Islam, tetapi bagaimana cara menggerakkan mereka supaya jangan terlalu membiarkan apa yang sedang berlaku.

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua tidak lupa apa yang sedang berlaku di suatu masa dulu, di negeri Terengganu misalnya, berlaku sembahyang dua iman. Di negeri Kelantan misalnya berlaku nikah dua kali. Berlaku tidak makan persembelihan umat Islam sesama Islam. Tetapi tidak ada dilaporkan. Barangkali adakah saya tidak terbaca dan sebagainya. Tetapi sama ada melalui media massa, media cetak, media elektronik dan sebagainya, mufti secara berdepan menyatakan bahawa fatwa itu adalah karut dan bercanggah dengan aqidah Islam yang telahpun diasaskan oleh Allah S.W.T.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]**

Inilah pada saya, di dalam kita membentuk suatu Akta mengenai Akta Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1992, peranan mufti dan fatwa ini hendaklah diberi suatu penekanan terutama mereka ini juga selain daripada pengwujudan Akta, kita juga perlu diadakan suatu kesedaran ataupun kursus. Tetapi saya nampak Pusat Islam sudah banyak kali buat kursus. Tidak tahulah saya bagaimana dan cara manakah mereka menerima kursus-kursus ini. Tetapi walau bagaimanapun, keadaan ini masih terus berleluasa dan berakar umbi di peringkat kariah-kariah di seluruh negara ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Majlis Agama Islam di seluruh negara ini tidak selaras - tidak serupa. Majlis Agama Islam negeri Kelantan dengan caranya, walaupun saya tahu Majlis Agama Islam ini adalah merupakan hak tiap-tiap negeri ataupun ia merupakan sacu kuasa daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan di tiap-tiap negeri. Hanya Wilayah Persekutuan ia adalah di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi apa yang berlaku ialah

tidak keseragaman, tidak ada penyelarasan antara satu negeri dengan satu negeri. Saya mengharapkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, apakah tidak boleh dibuat, tidak boleh dirunding, diajak wakil daripada Kerajaan negeri tiap-tiap negeri di seluruh negara\_ ini dirunding supaya pelaksanaan Enakmen Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri diselaraskan. Tidak usahkan masalah-masalah lain, kadang-kadang masalah Enakmen Kekeluargaan Islam pun sudah tidak selaras. Ada negeri kahwin dua dalam bentuk lain, ada negeri dalam bentuk lain, cara penyelarasan tidak sekata, keseragaman itu tidak ada. Sebab itu, kalau dulunya sampai melihat anak bulan pun berlaku sedikit permasalahan. Jadi, pada saya yang penting. ialah saya menyarankan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya ada penyelarasan antara Majlis-majlis Agama Islam seluruh negara, walaupun itu bidang kuasa negeri tetapi pihak Jabatan Perdana Menteri perlu berunding budibicara dengan pihak negeri-negeri di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Fasal 85 mengenai kemasukan orang-orang bukan Islam ke dalam agama Islam, masalah pengiktirafan muallaf dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, sejauh manakah muallaf ini diberi pengawalan apabila ia sudah berada dalam agama Islam. Kerana terdapat ramai daripada kalangan mereka yang saya kira kalau saya dapat suatu angka yang jelas daripada pihak Jabatan Perdana Menteri menerusi Pusat Islam dan sebagainya, seramai manakah yang ada di kalangan orang-orang bukan Islam yang telah memeluk Islam tetapi kembali semula ke dalam agama mereka. Apa yang saya dapati ini adalah kerana kurang-

nya kita mengadakan susulan, kadang-kadang ada di antara mereka yang sudah memeluk Islam tetapi mereka hidup dengan cara mereka sendiri. Saya ada beberapa orang yang saya dapati yang sudah memeluk agama Islam tetapi masih mengamalkan cara hidup yang bercanggah terus dengan agama Islam. Bila saya tanya kepada muallaf yang memeluk Islam ini, "Mengapa ia melakukan perkara-perkara ini, sedangkan ia sudah berada dalam agama Islam?" Tetapi ia menyatakaa bahawa, ada di antaranya mengatakan bahawa, "Ia tidak sampai pengajaran tersebut". Jadi bolehkah saya diberitahu di dalam Dewan ini bagaimana caranya pengawalan dan juga pengajaran agama Islam dan follow-up yang telah diberi kepada orang-orang bukan Islam yang telah memeluk Islam? Ada di antara yang masuk Islam kerana cintakan gadis Islam ataupun yang masuk Islam kerana cintakan seorang jejaka Islam dan sebagainya. Walaupun kerana masalah-masalah harta perniagaan dan sebagainya. Kalau inilah berlaku, kalaulah ramai yang memeluk Islam, dari segi kualitinya agak kurang baik, maka ini juga akan sedikit sebanyak bolehlah kita katakan ini akan menjejaskan kedudukan nilai dan juga imej seseorang Islam yang baru memeluk Islam atau masuk ke dalam agama Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara lagi mengenai muallaf ini. Ada di antara mereka yang telah memeluk Islam kadang-kadangnya tidak langsung diberi pemerhatian yang mana walaupun ada PERKIM (satu pertubuhan sukarela) dan sebagainya, tetapi mereka agaknya terbiar. Sebab itu, suatu pengawalan yang begitu baik dan juga dalam segi ilmu Islara yang sempurna perlulah diberi kepada mereka yang memeluk Islam ini. Itulah di antara

perkara-perkara yang hendak saya sentuh mengenai Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1992 ini. Mudah-mudahan, saya adalah mengharapkan dengan adanya Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) yang telah dipinda daripada 1952 kepada 1992 ini, ia akan dapat benar-benar mencerminkan suatu Akta yang benar-benar berhasrat dan bercita-cita untuk mempertingkatkan ataupun meng'ila'i kalimatullah, meningkatkan kedudukan Islam di dalam negara kita yang nyata dan jelas di dalam Perlembagaan - agama Islam sebagai agama rasmi negara. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

#### **4.37 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian berkenaan yang telah merasa terpanggil untuk mengemas-kinikan Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam ini. Dalam saya mengkaji dan melihat Rang Undang-undang ini, ada satu perkara yang saya minta untuk difikirkan di masa-masa yang akan datang bukan sahaja untuk Rang Undang-undang bagi umat Islam (Wilayah Persekutuan) tetapi juga untuk Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam di negeri-negeri lain.

Satu perkara yang saya hendak bangkit ialah berkenaan dengan satu peruntukan yang wujud dalam Perlembagaan Malaysia yang mana

oleh kerana Islam itu merupakan agama Persekutuan Malaysia kita, maka untuk memelihara supaya Islam itu dipertahankan di tanahair Malaysia ini, maka ada peruntukan yang mengatakan iaitu bahawa tidak boleh berlaku apa-apa penyebaran ataupun perkembangan usaha untuk memperkembangkan agama-agama lain daripada agama Islam di kalangan masyarakat orang Melayu kita. Memang kita tahu iaitu bahawa masyarakat orang Melayu kita mengikut definisi, takrif yang wujud sudah tentulah beragama Islam. Di sini tegas Perlembagaan kita tidak membenarkan pengembangan mana-mana agama selain daripada agama Islam di kalangan masyarakat Melayu yang ada di tanahair kita.

Kesalahan ini kita tengok iaitu bahawa kalau sesuatu perkara itu berlaku, maka paling tidak yang boleh dikatakan iaitu apa-apa juga gerakan yang kerja ke arah untuk menyebarkan agama lain daripada Islam di masyarakat bangsa Melayu kita ini, saya ingat tidak ada undang-undang yang boleh mendakwa kalau sekiranya perkara ini dilakukan terhadap masyarakat orang Melayu kita. Bermakna kesalahan itu ada, di dalam Perlembagaan mengatakan tidak boleh. Tetapi ianya tidak undang-undang yang membolehkan sama ada mahkamah ataupun Majlis Agama Islam Negeri untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang bukan Islam yang cuba hendak mengembangkan agama bukan Islam di kalangan masyarakat Melayu kita.

Kita lihat iaitu bahawa di masa-masa yang lepas kita dengar iaitu bahawa sudah ada satu buku Injil yang telah dialih-bahasa kepada Bahasa Kebangsaan. Apa tujuannya? Kalau Injil itu, ada satu yayasan sebagai contoh, ataupun ada sebuah syarikat yang mengeluarkan kitab Injil dalam bahasa Melayu, maka apakah tujuannya?

Kalau tidak untuk mengembangkan agama Kristian di kalangan masyarakat Melayu kita. Kalau hendak dikatakan iaitu bahawa Injil iai terpaksa dialihbahasa kepada Bahasa Melayu untuk kegunaan orang Malaysia, tetapi saya tengok di sini iaitu bahawa orang Melayu dia bukan beragama Kristian. Orang Melayu, dia beragama Islam. Dan saya tidak fikir orang-orang Melayu kita hendak baca kitab Injil.

Kalau dikatakan bahawa olen kerana inilah Bahasa Kebangsaan, maka kitab Injil ini hendak dialihbahasakan. kepada Bahasa Melayu untuk tujuan masyarakat yang berada di. negara Malaysia, saya percaya lebih baik injil ini dialihbahasakan kepada bahasa Cina ataupun kepada bahasa Tamil ataupun kepada bahasa Kadazan ataupun kepada bahasa Iban. Tetapi apabila Injil ini dialihbahasa kepada Bahasa Melayu, maka tidak lain dan tidak bukan, tujuannya ialah untuk memperkembangkan agama ini di. kalangan masyarakat. bangsa Melayu kita. Ini bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Tetapi apa tindakan yang boleh diambil? Tidak ada apa-apa tindakan, melainkan menyatakan. bahawa perbuatan telah bertentangan dengan Perlembagaan. Sebab itu, saya merasakan bahawa dalam soal ini, tiap-tiap Enakmen. Pentadbiran Undang-undang Islam sama ada di Wilayah Persekutuan atau negeri-negeri mesti mengambilkira cara mana untuk menguatkuasakan

peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan Malaysia ini. Sebagai contohnya, kalau ada kuasa di kalangan Majlis Agama Islam untuk mendakwa syarikat publication yang mengeluarkan Injil dalam Bahasa Melayu ini, maka kita harus buat dan harus memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam untuk mengambil tindakan terhadap syarikat publication ini.

Begitu juga, sebagai contoh, kalau ada di kalangan orang yang bukan beragama Islam yang hendak memperkembangkan mereka dengan mengeluarkan risalah-risalah. Dan orang ini mengeluarkan risalah adalah di satu tempat seperti Pasar Minggu yang mana ramai orang Melayu berada di situ, bermakna kalau mengedarkan risalah di satu tempat di mana orang Melayu itu ada ramai di situ, bermakna ini adalah percubaan untuk mendedarkan agama yang bukan Islam kepada masyarakat bangsa Melayu yang ada di situ.

Tetapi di dalam Enakmen Negeri tidak ada kuasa yang diberikan kepada Majlis Agama Islam untuk mendakwa orang-orang seperti ini. Sepatutnya, apabila ditangkap dia, orang ini di dakwa kerana telah melakukan kesalahan di bawah Perlembagaan Malaysia. Tetapi oleh kerana tidak ada undang-undang yang boleh mendakwa mereka bermakna mereka walaupun melanggar Perlembagaan Malaysia tetapi tidak boleh buat apa-apa kerana tidak tahu di bawah manakah kita hendak dakwa orang yang hendak menyebarkan agama yang bukan Islam di kalangan masyarakat Melayu kita.

Sebab itu, pada saya, mungkin ada orang yang bertanya bahawa kita tidak boleh ambil tindakan terhadap orang yang bukan beragama Islam. Yang kita hendak menguatkuasakan ini bukan undang-undang Islam kerana dalam Undang-undang Syariah, tidak ada. Tidak ada yang

mengatakan bahawa tidak boleh agama lain itu boleh diperkembangkan di dalam masyarakat Melayu. Tetapi undang-undang yang dikuatkuasakan ini adalah undang-undang manusia, bukan undang-undang Islam. Undang-undang yang diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri yang tidak membenarkan perkembangan agama lain selain daripada Islam di kalangan masyarakat bangsa Melayu kita. Maka oleh kerana itu tidak berbangkit soal kalau orang kata oleh kerana yang menyebarkan risalah ini bukan orang Islam, maka undang-undang Islam tidak boleh dikenakan kepada mereka. Kita bukan hendak memperkenankan undang-undang Islam kepada mereka. Kita hendak memperkenankan undang-undang manusia yang diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memelihara masyarakat Melayu kita. Sebab itu tidak berbangkit kalau orang jawab kepada apa yang didakwa oleh saya ini mengatakan bahawa kita tidak boleh mengambil tindakan menurut undang-undang Islam terhadap mereka yang bukan beragama Islam. Saya hendak beritahu bahawa apa yang kita hendak buat ialah untuk mengenakan undang-undang yang dibuat oleh manusia untuk memelihara masyarakat orang Melayu ini daripada menukar agama kepada lain agama selain daripada agama Islam. Hendak dikenakan terhadap orang yang bukan Islam.

Jadi, di sini saya minta kepada pihak Kementerian kalau Perlembagaan telah begitu jelas mengatakan mahu memelihara masyarakat Melayu kita supaya jangan ada pengembangan agama yang lain daripada Islam di kalangan masyarakat Melayu ini, maka saya kira Kerajaan mestilah merealisasikan kehendak. Perlembagaan Malaysia ini. Sebab itu, harus difikirkan cara mana yang boleh kita lakukan

untuk memastikan kita boleh menguatkuasakan. kehendak Perlembagaan, Malaysia yang tidak mahu mana agama lain disebar di kalangan, masyarakat bangsa Melayu kita.

Tuaa Yang di-Pertua, sekarang saya ingin melihat Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Dan, sedikit-sebanyak, saya hendak memberi sedikit pandangan, apa kiranya pandangan ini kalau boleh dipertimbangkan. pada masa-masa akan datang untuk tujuan yang tidak lain dan tidak bukan bagi memperketatkan lagi Rang Undang-undang yang sedia ada pada ketika ini.

Pertamanya, saya lihat bahawa di bawah definisi mukasurat 8 berkenaan dengan Hukum Syarak di mana "Hukum Syarak" ini ditafsirkan sebagai ertinya "Undang-undang Islam mengikut mana-mana Mazhab yang diiktiraf."

Saya merasa ada sedikit kebimbangan. Takut-takut kalau perkataan "mana-mana Mazhab"; "mana-mana" ini kemungkinan ianya boleh melebihi daripada empat Mazhab yang wujud pada ketika ini. Saya tengok di dalam Fasal 39 disebut dengan jelas iaitu "Nas-nas yang hendaklah diikuti" mestilah nas Mazhab Syafie. Tetapi, kalau Mufti mendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan, dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Disebut dengan jelas iaitu bahawa kita ada empat Mazhab yang diiktirafkan.

Jadi, saya memikirkan di sini bahawa dalam definisi "Hukum Syarak" ini ada baiknya Kalau kita sebut iaitu bahawa "Hukum Syarak", ertinya "Undang-undang Islam" mengikut empat Mazhab yang

diiktiraf. Sebab Fasal 39 disebutkan. keempat-empat Hanbali, Hanafi dan Syafie. Kalau perkataan. "mana-mana " di sini kemungkinan, mungkin kita juga di masa akan datang diiktiraf Mazhab Syiah, Mazhab Wahabi dan bermacam-macam Mazhab lagi. Jadi, sebab itu oleh kerana yang ada sudah empat iaitu bahawa hanya empat Mazhab sahaja yang kita iktiraf; oleh kerana itu Hukum Syarak haruslah ertinya undang-undang Islam mengikut empat Mazhab yang diiktiraf, jangan gunakan perkataan "mana-mana" kerana perkataan "mana-mana" iaitu bermakna ada ruang lagi untuk diiktirafkan lain-lain Mazhab selain daripada empat yang diiktirafkan oleh kita pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya - mukasurat 12. Ini berkenaan dengan Fasal 4(1), "Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan" untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong"

Saya rasa itu bahawa kita masih ingat lagi dan tidak lupa itu bahawa betapa masalahnya kita hadapi dalam soal perkataan "nasihat" dan "menasihati" ini.

Saya iagia mencadangkan bahawa supaya di bawah definisi, dimasukkaa juga keperluan untuk mendefinisikan "nasihat". Sebab, hari ini kita telah secara muktamad menyatakan bahawa soal nasihat ini sebenarnya arahan. Tetapi oleh kerana kita tidak mendefinisikan maka dia terbuka kepada berbagai-bagai interpretasi. Kemungkinan Yang di-Pertuan Agong merasakan bahawa iui akan merupakan hak dia. Kita tidak mahu perkara ini berbangkit lagi iaitu bahawa kita akan bincang semula, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkataan "nasihat dan menasihati".

Maka untuk mengelakkan daripada perkara ini berbangkit lagi di masa-masa yang akan datang, apa tidak baiknya kalau kita mendefinisikan perkataan "nasihat" itu, supaya kita kata "menasihati" takrifnya ialah "mengarah" dan "nasihat" itu "arahan". Jadi, kita bacalah semua senang iaitu bahawa kalau dalam perkataan di siai, "maka hendaklah ada satu badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong", maknanya "untuk mengarah Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara berhubungan dengan agama Islam." Kita arahkan dia. Sebab apa kita kata kita mesti "arah" dia? Kalau kita tengok di dalam Rang Undang-undang ini, apabila berbangkit di dalam soal jawatan, pemegang, jawatan mesti ada pengetahuan Islam, mesti ada ilmu di dalam soal-soal Islam. Tetapi takkan kita yakin dan percaya

bahawa Yang di-Pertuan. Agong ini arif di dalam Islam. Dia tidak arif, bukan semuanya. Kalau Agong sekarang dia seorang peguam, saya pun peguam. Jadi, saya tidak nampak dia arif di dalam soal agama.

Oleh kerana itu, kalau perkataan "menasihati" mi, saya rasa takut dan, bimbang mungkin Yang di-Pertuan Agong merasakan bahawa dia ada nak untuk membuat Keputusan tetapi Majlis cuma menasihati dia sahaja. Tetapi kalau kita ada definisi ini, dengan jelas yang mengatakan bahawa "nasihat" itu bermakna "arah", maka tidak berbangkitlah masalah ini di masa-masa yang akan datang bagi memutuskan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan perkataan "menasihati" dan "nasihat" itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya, ini berkenaan dengan mukasurat 15, Fasal 9(1) - Kuasa-kuasa Meminjam. Kita semua tahu bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sudah tentulah dia akan terikat iaitu segala apa juga pinjaman yang hendak dibuat oleh Majlis ini, semua pinjaman, itu mestilah seharusnya mengikut secara Islam. Tetapi mengikut Fasal 9(1) ini, "Majlis ini boleh dengan kelulusan Menteri Kewangan dan atas terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan, meminjam apa-apa jumlah wang yang mungkin dikehendakinya untuk menunaikan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini." Tetapi apa yang membimbangkan saya bahawa apakah di sini saya ingin bertanya adakah Majlis ini boleh meminjam wang daripada sebuah bank yang menjalankan perniagaan secara riba? Sebab, dia tidak menghadkan di sini bahawa Majlis Agama Islam hendaklah membuat pinjaman daripada Bank Islamkah atau mana-mana bank yang mempunyai kaunter yang menjalankan bankingnya secara Islam.

Kalau mengikut kepada apa yang ada di bawah Fasal 9 ini, bermakna bahawa Majlis Agama Islam tidak terikat untuk membuat pinjaman daripada mana-mana bank yang menjalankan banking secara riba dan lain-lainnya.

Kita harus menjaga nama baik Majlis Agama Islam kita dan sudah tentulah kalau Tuan Yang di-Pertua tanya kepada saya, Majlis Agama Islam memang mengikut pandangan saya, tidak boleh diizinkan untuk membuat pinjaman daripada bank-bank yang mana tidak menjalankan bankingnya secara Islam. Sebab, imej ini penting.

Pada satu ketika, "Majlis" adalah sebuah badan yang menjaga agama Islam di satu-satu kawasan atau negeri. Tetapi dalam masa yang sama, dia membuat satu perkara yang tidak sejajar dengan apa yang dia menjaga di wilayah ataupun negeri yang dia jagai itu. Dia tidak sepatutnya membuat pinjaman daripada bank-bank yang menjalankan pinjaman secara riba. Saya ingat ini tidak boleh diterima oleh kita. Kalau dia boleh buat, maknanya double standard. Dia hendak jaga Islam di Wilayah Persekutuan tetapi dalam masa yang sama dia melanggar hukum dengan membuat pinjaman daripada sebuah bank yang tidak menjalankan banking secara Islam. Sebab itu, kita mesti hadkan daripada sekarang. Kita, tidak mahu dia jawab nanti dia kata, "mengikut Enakmen, saya boleh." Memang betul dia boleh, mengikut Enakmen. Tetapi perbuatan dia itu tidak sejajar dengan tugas dia sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga Islam di negeri yang berkenaan. Sebab itu, kita mesti mensyaratkan dia iaitu pinjaman ini, mesti hadkan kuasa dia supaya

DN.9.6.93

jangan dia dibenarkan untuk membuat pinjaman daripada bank-bank. selain daripada Bank Islam atau di bank-bank yang mana ada kaunter yang menjalankan, banking secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mukasurat 15, Fasal 10(1). Saya lihat di sini bahawa Majlis boleh melantik anggota mereka daripada orang-orang yang berkenaan, daripada (a), (b), (c), (d) sampai (e). Mengikut pandangaa saya, saya tengok di bawah Enakmen ini, dia telah meliputi semua golongan yang dianggap penting dalam WilayahPersekutuan.KetuaSetiausahaNegaraatauwakilnya:peguam Negara, Ketua Polis Negara, Mufti dan Dato Bandar Kuala Lumpur duduk sebagai Ahli Majlis.

Saya ingin mencadangkan bahawa walau pun ada di sini limabelas yang lain yang boleh dilantik, tetapi saya minta secara khusus kalau sekiranya boleh, bahawa Majlis ini hendaklah terdiri juga selain daripada (a) sampai (h) ini, hendaklah juga terdiri daripada Ahli Parlimen yang beragama Islam di Wilayah Persekutaan ini. Sebab, kalau Dato Bandar ini dianggapkan sebagai orang yang penting dan dia layak untuk duduk sebagai seorang daripada Ahli Majlis Agama Islam ini, saya kira Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam juga dia punya darjat dan standard adalah sama dengan Dato Bandar.

Sebagai contoh, kalau di negeri-negeri yang rmana kita ada Menteri Besar, Menteri Besar duduk sebagai Ahli Majlis dan Exconya juga duduk sebagai Ahli Majlis. Tetapi di sini, di Wilayah Persekutuan memang tidak ada Menteri Besar. Kalau tidak ada Menteri

Besar, digantikanlah juga dengan Dato Bandar. Tetapi Exco Agama ini, yang duduk di dalam Majlis Agama Islam di negeri-negeri yang mana ada Menteri Besar, inilah yang sepatutnya Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam.

Kita mesti meletakkan Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam untuk duduk sebagai Ahli Majlis kerana mereka merupakan orang yang mempunyai sokongan daripada rakyat. Mereka merupakan orang yang berkuasa untuk bersuara untuk rakyat. Sebab itu, di dalam Ahli Majlis ini, sayapohondimasa-masayangakandatangkalausekiranya boleh, oleh kerana Dato Bandar itu juga diletakkan sebagai ahli anggota Majlis ini, maka tidak keterlaluan kalau ada permohonan permintaan untuk dimasukkan Ahli-ahli Parlimen Melayu yang beragama Islam, yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini, juga hendaklah dimasukkan sebagai ahli anggota Majlis ini supaya apa juga yang hendak dikenakan terhadap orang Islam yang berada di wilayah Persekutuan ini, maka wakil orang-orang Islam yang dipilih ini haruslah juga untuk supaya mereka juga akan mendapat tahu tentang apa-apa keputusan yang dibuat untuk dilaksanakan kepada orang-orang Islam yang ada di dalam Wilayah Persekutuan

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 10 (3) - lantikan semula untuk ahli-ahli Majlis ini. Saya tengok bahawa seseoraag anggota yang tempoh jawatannya telah habis tempoh, bolehlah dilantik semula. Saya ingat bagi ahli anggota Majlis ini bawah 10(1)(h), yang lain tak apa, 10(1)(h) ini saya ingat kita hadkanlah bahawa tempoh yang boleh diberikan kepada mereka ini biarlah dua "term". Ahli Parlimen tak apa, selagi dia Ahli Parlimen, dia duduk sebagai anggota Majlis. Tetapi yang di bawah (h) ini, kalau kita tidak hadkan, bermakna kalau mengikut 10(3), dia boleh dilantik beberapa kali dan kemungkinan dia boleh duduk sampai - di sini saya fikir satu tempoh ialah bagi 3 tahun - kalau dua tempoh 6 tahun. Kita pun Ahli Dewan Negara sampai dua term sahaja - 6 tahun. Jadi, saya ingat untuk anggota Majlis 10(1)(h), kita hadkanlah tempoh mereka ini iaitu kalau sudah habis, hanya boleh dilantikkan bagi satu tempoh lagi makna dua term cukuplah, supaya dapat dengan lebih ramai lagi orang-orang lain yang boleh daang untuk duduk bersama berkhidmat dalam Majlis ini. Kerana saya lihat bahawa kalau Majlis ini terdiri daripada orang yang sama, tiap-tiap tahun orang yang sama, idea yang sama, tidak akan ada kemajuan yang akan berlaku dalam mana-mana juga pertubuhan kalau orangnya itu merupakan orang yang sama tahun demi tahun. Oleh kerana itu, saya mohon difikirkan, lantikan semula di bawah Pasal 10(3) ini hanyalah dihadkan kepada 10(1)(a) sampai (g), tetapi bagi 10(1)(h) ini biarlah mereka ini dihadkan kepada perlantikan dua term sahaja, lepas itu tak boleh lantik semula.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 16, Fasal 11. Di sini disebut "penamatan perlantikan", Penamatan perlantikan ini:-

"Perlantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat" -

d) apabila dia mati; atau

(ii) jika dia dengan surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong melalui Pengerusi, meletakkan jawatannya; dan

(iii) jika dia tidak ada di Malaysia....."

Saya ingat harus masuk satu lagi, "(d)", iaitu "Perlantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat apabila ianya di tamatkan" Kadang kala kita tengok bahawa mungkin ada sebab selain daripada (a), (b) dan (c) ini yang boleh menyebabkan kita untuk menamatkan jawatan dia. Walaupun di sini ada sebut di bawah Fasal 12(a) bahawa;-

dia berkelakuan tidak baik;

- dia telah menjadi tak upaya menjalankan tugas dia;
- dia tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Pengerusi dia telah tidak menghadiri tiga kali mesyuarat.

Saya ingat ada lain-lain sebab, yang lain daripada tiga ini, yang boleh menamatkan perkhidmatannya sebagai anggota Majlis, selain daripada apa yang ada di sini.

Sebab itu dalam Pasal 11 ini, saya rasa harus ditambahkan "(d) jika perkhidmatan dia ditamatkan". Katalah ini realiti, kalau ini kadangkala dia duduk sebagai ahli anggota Majlis, Kita tahun pertama dia berjalaa dengan baik, tahun kedua nampaknya dia

sudah menjadi seorang ekstremis, katalah dia menjadi penyokong parti Pembangkang. Kita tidak boleh tamatkan perkhidmatan dia mengikut Pasal 11(a), (b) dan (c). Kita tidak boleh tamatkan perkhidmatan dia mengikut 12(a), (b) dan (c), kerana melibatkan diri dalam parti Pembangkang tidak merupakan satu alasan yang boleh kita tamatkan perkhidmatannya. Sebab itu, harus diadakan "(d)" dalam Fasal 11, iaitu:-

"Perlantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat apabila keanggotaan dia dihentikan atau ditamatkan oleh Majlis Agama Islam".

Kita mesti ada satu Clause yang membantu kita di masa yang akan datang untuk memastikan bahawa kalau sekiranya kita terpaksa menghentikan atau menamatkan keanggotaan seseorang ahli Majlis kerana dia ini telah menjalankan satu perbuatan yang tidak sejajar dengan apa yang kita harapkan. Sebagai contoh, dia menjadi duri dalam daging kita. Maka, kita mesti diberi kuasa untuk menghentikan keanggotaan dia. Soal "Hiring and Firing" ini ialah hak kita yang berkuasa.

Jadi, sebab itu dalam "Penamatan perlantikan" ini, saya ingin mencadangkan supaya diadakan "(d)" iaitu bermakna "Perlantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat apabila dia ditamatkan perkhidmatan dia atas apa alasan oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan". Mesti ada. Saya rasa kalau kita buat kontrak apa sekalipun, kita mesti ada - selain daripada alasan yang mana dia boleh berhenti, kita mesti ada nak untuk memberhentikan dia. Kita tengok dalam UMNO - bukan hendak kempen Parti UMNO pula tetapi dalam UMNO kita tengok bahawa jawatan-jawatan perlantikan itu akan berakhir apabila dia meminta untuk letak jawatan ataupun dia

ditamatkan jawatannya. Jadi, itu kuasa kita. Saya percaya ini akan menguntungkan kita di masa-masa yang akan datang untuk mengadakan "(d)" yang mana kita boleh menamatkan keahlian seseorang anggota Majlis itu.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 19, ini berkenaan dengan "Minit". Saya teringat bila membaca Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) yang telah dibincang dan diujahkan pada mesyuarat yang lepas, yang mana soal minit, soal seal, hendaklah disimpan di dalam pejabat di mana dia menjadi headquarters. Jadi, saya rasa tidaklah keterlaluan kalau diminta dimasukkan supaya semua minit-minit ini hendaklah disimpan di pejabat di mana hanya merupakan Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada bila-bila masa. Kadangkala orang-orang kita ini dia jadi Setiausaha, dia buat minit, semua minit dia simpan di rumah. Ini berlaku. Tetapi kalau sekiranya Undang-undang jelas mengatakan minit-minit ini mesti semuanya disimpan di pejabat, maka bermakna segala minit-minit ini tidak akan dapat diubahsuakan, itu pertama. Keduanya, tidaklah akan berlaku kecurian atau kehilangan, kerana dia diletak di dalam ibu Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang senantiasa akan dijaga oleh jaga dan macam-macam lagi. Jadi, saya ingat sebagai sebuah Majlis Agama Islam hendaklah menjadi satu badan yang berwibawa, maka badan yang berwibawa ini seharusnya dia mesti mempunyai satu tempat yang mana segala atau semua barang-barang mestilah disimpan di satu tempat dan tidak dianggap sebagai satu badan yang tidak profesional yang mana minit dia ada disimpan di rumah Setiausaha dan macam-macam lagi. Jadi saya berharap, kalau boleh, perkara ini difikirkanlah untuk menjaga nama baik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini.

Mukasurat 20, Fasal 22(4). Saya cuma ingin bertanya bahawa yang mengatakan;-

"Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar....."

Tiga bulan kalendar ini bulan Gregoriankah ataupun bulan Islam? Itu sahaja saya hendak tahu. Sebab, kalau kita tahu bulan Islam ini, 29, 30, 28 hari pun ada, tetapi kalau kalendar Gregorian ini sampai 31 hari. Jadi, yang mana kita pakai? Kita pakai yang itukah ataupun kita pakai bulan Islam? Ini cuma untuk mendapat kepastian sahaja.

Mukasurat 21, Pasal 28, berkenaan dengan "Kerahsiaan". Di sini disebut:-

"Prosiding Majlis hendaklah dirahsiakan...."

dan macam-macam. Cuma saya hendak bertanya di sini, apakah kalau sekiranya segala prosiding ini kemungkinan ada kebocoran yang dilakukan oleh seorang anggota Majlis, apakah tindakan yang hendak diambilkan terhadap ahli-ahli anggota Majlis yang telah membocorkan rahsia kepada orang luar? Sebab, saya rasa tidak cukup untuk kita membuat satu peruntukan menyatakan prosiding itu rahsia, tetapi kita juga mesti memastikan bahawa sesiapa sahaja yang membocorkan rahsia, maka dia akan menghadapi satu tindakan. Kalaulah prosiding ini dianggapkan di bawah OSA, saya ingat tak apalah, okaylah, tak payahlah kita bangkitkan lagi. Sebab kalau dia di bawah OSA, iaitu Official Secrets Act, jadi siapa yang membocorkan, dia salah. Tetapi kalau ini tidak termasuk di dalam OSA, maka saya ingin bertanya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap anggota Majlis yang didapati telah membocorkan rahsia prosiding perjalanan mesyuarat anggota Majlis Agama Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 25 berkenaan dengan Fasal 39(3). Di sini dia berkata iaitu bahawa:

"39.(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri..."

Apa yang saya hendak tanya di sini, apakah kita berani untuk memberikan satu kuasa yang begitu luas kepada seorang Mufti untuk membuat satu keputusan, yang mana qaul Mazhab yang lain, tidak dapat ataupun tidak ada penyelesaian kepada perkara itu, apakah ini wajar?

Di sini, kita kata iaitu bahawa kalaulah maknanya, bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti, maka Mufti itu atas hemat dirinya sendiri boleh menyelesaikan persoalan ini. Kalau perkara itu merupakan satu masalah yang tidak ada Mazhab yang boleh menyelesaikan masalah itu, apakah masalah itu boleh diselesaikan oleh seorang Mufti? Apakah Mufti ini perlu diberi kuasa begitu besar? Apakah Mufti ini, boleh kita dengan penuh keyakinan merasakan iaitu bahawa kewibawaannya itu adalah

melebihi daripada Imam-imam yang empat, iaitu Imam Syafie, Hanafi, Hambali dan Maliki? Kalau empat Imam ini tidak mempunyai qaul atau Mazhab yang dibawa ini tidak, dengan izin, address masalah ini. Apakah kita yakin iaitu bahawa seorang Mufti yang kita lantik, dia ada keupayaan untuk menyelesaikan masalah yang mana keempat-empat Mazhab ini tidak dapat menyelesaikan masalah ini? Ini adalah satu pertanyaan yang saya hendak berikan untuk kita fikir baik-baik, sebelum kita memberi kuasa yang begitu luas kepada seorang manusia untuk membuat keputusan yang tidak pernah diselesaikan oleh Imam-imam daripada empat Mazhab ini.

Kalau kita rasa perlu untuk menyelesaikan masalah, sekurang-kurangnya biarlah ada apa yang dikatakan perjumpaan di kalangan Mufti-mufti. Panggil satu mesyuarat Mufti-mufti untuk mengeluarkan fatwa berkenaan dengan masalah yang hendak diselesaikan, yang tidak dapat diselesaikan oleh empat Mazhab ini. Saya rasa itu lebih baik daripada kita memberi suatu kuasa yang begitu besar kepada seorang Mufti untuk menyelesaikan mengikut "hematnya sendiri", tentang perkara yang tidak boleh diselesaikan oleh empat Mazhab ini.

Oleh kerana perkara ini adalah perkara yang ada kaitan dengan agama, saya rasa seorang manusia tidak boleh menyelesaikan perkara ini, melainkan untuk menyelesaikan perkara ini mesti dipanggil semua Mufti. Kita ada 14 negeri panggil 14 orang Mufti ini, panggil alim-ulama dan adakan satu kongres untuk menyelesaikan masalah yang

tidak dapat diselesaikan oleh empat Mazhab ini. Ini lebih baik daripada kita memberikan pada seorang manusia satu kuasa, yang saya rasa begitu besar untuk dia membuat satu keputusan berkenaan dengan satu perkara yang tidak boleh diselesaikan oleh empat Mazhab yang kita iktiraf ini.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 26, Fasal 41 dan 43, ini ada berkaitan dengan perlantikan Ketua Hakim Syarie dan juga perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Fasal 44 Perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.,

Saya lihat di dalam perlantikan-perlantikan ini, dia ada syaratnya iaitu bagi perlantikan Ketua Hakim Syarie, seperti di Fasal 41(2):

"41(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah subseksyen

(1) jika-

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) dia

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun.....(dan seterusnya).

(ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak."

Begitu juga untuk perlantikan di Pasal 43. Cuma persoalan saya di sini, kalau di dalam perlantikan anggota Majlis, kita mensyaratkan iaitu bahawa orang-orang yang menjadi anggota Majlis

ini mestilah orang-orang Islam. Dan anggota Majlis seperti di bawah Fasal 10(1) (a) hingga (h), kalau mereka yang memegang jawatan itu bukan orang Islam, maka hendaklah dipilih atau dilantik seorang wakil yang beragama Islam.

Kita mengambil berat iaitu bahawa orang-orang yang hendak menjadi anggota Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini mesti beragama Islam. Walaupun pada lazimnya kita tahu iaitu bahawa kalau hendak menjadi anggota Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mesti beragama Islam. Namun demikian, Rang Undang-undang ini terasa perlu untuk memastikan, walaupun anggota Majlis ini adalah Majlis Agama Islam, tetapi disyaratkan juga iaitu bahawa ahli atau anggota Majlis ini mestilah orang Islam. Kalau itu telah ditentukan di bawah Fasal 10, iaitu anggota Majlis mestilah orang yang beragama Islam. Persoalan saya di sini, oleh kerana Pasal 41, Fasal 43 dan Fasal 44, tidak mensyaratkan iaitu di antara lain, 'orang yang hendak dilantik sebagai Hakim ini mestilah orang Islam'.

Saya ingin bertanya, apakah orang bukan Islam boleh dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Ketua Hakim Mahkamah Rendah Syariah?

Saya hendak tanya, apakah oleh kerana syarat itu telah ditentukan dia mesti orang Islam, seperti di bawah Seksyen 10 untuk menentukan siapa yang berhak untuk menjadi anggota Majlis, maka oleh kerana ketiadaan syarat orang Islam dalam Fasal 41 dan Pasal 43

ini, bermakna orang bukan Islam juga boleh menjadi Hakim Mahkamah Syariah? Ini saya hendak penerangan daripada Kementerian kerana saya hendak tahu, sebab orang yang bukan Islam juga dia warga negara Malaysia. Orang yang bukan Islam juga ia mungkin arif tentang Hukum Syarak. Jadi, ini saya ingin tahu daripada pihak Kementerian apakah tidak perlu Hakim-hakim ini datangnya daripada orang yang beragama Islam. Kalau kita hendak supaya Hakim ini datang daripada orang Islam, maka kita kena tambah, selain daripada syarat yang telah ditentukan ini, maka satu daripada syaratnya mestilah 'ia adalah orang Islam. Sebab syarat ini kita turun dalam Pasal 10 untuk menentukan siapa yang boleh menjadi anggota Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua - second last, saya pun tidak mahu cakap banyak sangat, tetapi saya bangkitkan benda yang saya fikirkan perlu dibangkit berkenaan dengan muka surat 46, Fasal 85 iaitu Kehendak-kehendak bagi masuk Islam.

- 85(1)(a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas;
- (b) pada masa mengucap dua kalimah Syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa ia bermakna "Aku naik saksi bahawa...."  
(dan seterusnya)
- (c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

Saya ingin bertanya, apakah tidak perlu iaitu kita masukkan syarat juga 'pengucapan itu hendaklah dibuat di hadapan seorang saksi yang beragama Islam'. Sebab kadangkala kita lalai kerja kita, seseorang itu akan bertemu atau berjumpa dengan Kahti atau sebagainya dan dia kata bahawa dia Islam. Dia mengatakan, bahawa dia beragama Islam mengikut Fasal 85. Saya sudah mengucap dua kalimah Syahadah, saya tahu apa maksudnya dan saya buat dengan rela hati. Apakah itu cukup? Kalau Kahti kata 'mengucap di hadapan saya', kalau Kahti suruh tidak apalah. Jika Kahti tidak suruh? Apakah tidak perlu untuk memastikan iaitu kehendak-kehendak bagi masuk Islam ini mesti diletakkan juga syarat iaitu 'lafaz' itu hendaklah dibuat di hadapan seorang Hakim atau saksi yang beragama Islam, supaya orang yang beragama Islam itu akan memberi kata sebagai saksi "bahawa ia benar, saya sudah dengar dia 'lafaz' di hadapan saya".

Kalau tidak, perkara ini akan berbangkit apabila soal pentadbiran dikaitkan. Dalam soal ini bukan Kadi yang membuat kerja semua, kadang-kadang Kerani di bawahnya sahaja. Orang itu kata dia beragama Islam. Maka Islamlah dia - tetapi dalam hubungan ini dia jadi mualaf dan dia tidak pernah mengucap pun, dia tidak pernah faham apa maksud mengucap itu kerana dia tidak melafazkan perkara itu di hadapan seorang saksi.

Saya ingat, soal kesaksian ini penting. Kita tidak boleh take for granted, dengan izin, iaitu bahawa kalau sesiapa sahaja yang datang di hadapan kita dan mengaku bahawa dia Islam, maka kita sudah tidak tanya dia lagi. Memang patut kita tidak tanya. Kalau kita tanya nanti, mungkin akan menyinggung perasaannya, tetapi mesti ada seorang saksi yang beragama Islam yang telah mendengar dia melafaz, Sebab itu dalam Fasal 85 ini saya rasa agak perlu untuk memasukkan syarat supaya mesti ada seorang saksi yang beragama Islam. Juga kehendak-kehendak bagi masuk Islam ini saya merasakan harus dimasukkan perenggan kecil (e), iaitu: (e) akil baligh. Ini mesti kena masuk; kalau tidak, pertikaian akan berlaku lagi.

Saya hendak bertanya, kalau dia tidak akil baligh, dia mengucap dua kalimah syahadat, dia faham apa yang dia mengucap dan dia buat dengan rela hati, jadi macam mana? Dia belum akil baligh lagi. Adakah kita hendak terima dia? Sebab itu saya rasa kehendak-kehendak bagi masuk Islam ini mestilah: - (a), (b), (c) dan ditambah dengan: (d) di hadapan saksi; dan (e) akil baligh. Ini mesti. Kalau tidak, sekiranya budak-budak berumur 10 tahun datang secara main-main

dan dia mengucap, maka kita kena terima. Kita tanya dia, "Awak faham apa yang awak mengucap?" "Saya faham". "Awak rela?" "Rela". Maka kita kena terima, tetapi dia belum akil baligh. Ini akan menjadi persoalan apakah itu akil baligh. Kita ada definisi 'akil baligh' itu - kita ada definisi tetapi syarat akil baligh ini mesti diletakkan di sini untuk memastikan bahawa kemasukkan ke dalam agama Islam ini diterima oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali ialah berkenaan Pendakwaan dan Perwakilan. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian yang telah memikirkan dengan begitu penuh bertanggungjawab supaya Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk memastikan supaya perjalanan pentadbiran Islam itu baik.

Saya mintalah kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya pernah membela seseorang di dalam Mahkamah Syariah. Saya pun terkejut bahawa saya boleh menjadi seorang peguam dalam Mahkamah Syariah. Sepatutnya, kita mesti jaga taraf Mahkamah Syariah ini. Saya berkelulusan undang-undang sekular. Memanglah kalau saya hendak membela seseorang itu, saya boleh buat, saya bacalah bahagian-bahagian dakwaan yang perlu dibaca itu di dalam kitab. Tetapi sebenarnya, orang macam saya tidak boleh mendakwa atau membela sesiapa di dalam Mahkamah Syariah sebab hukum syariah ini khusus. Kalau saya sebagai seorang peguam yang lulus dalam undang-undang sekular dengan begitu sewenang-wenangnya boleh membela seseorang di Mahkamah Syariah, sebab itulah perjalanan prosiding di Mahkamah Syariah macam "Kangaroo Court", sebab tiada orang mengambil berat. Prosedur teruk - dia tidak ada prosedur. Saya membela dan saya

mempunyai saksi. Sepatutnya saya yang mula bertanya, kemudian dia cross-examine, selepas itu Saya re-examine dan selepas itu saya patut duduk. Tetapi ini tidak, selepas saya re-examine, pendakwa bangun dan tanya balik soalan kepada jawapan yang diberikan oleh saksi semasa saya re-examine dia, dengan izin. Prosedur ini dia tidak ikut. Sebab itu kalau kita mahu supaya Mahkamah Syariah ini merupakan satu mahkamah yang dihormati keputusan yang dibuatnya itu, maka kita kena pastikan bahawa siapa yang duduk sebagai Hakim mesti berkelulusan hukum syarak. Jangan ambil Kadi atau Naib Kadi yang tidak tahu undang-undang untuk mendakwa. Itu sebab orang tidak begitu yakin dengan keputusan yang dibuat dalam Mahkamah Syariah sebab kadang-kadang pegawai atau Clerk of Court tidak ada. Ini cerita betul - kes ini 10 tahun dahulu di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Jalan Tun Razak. Saya pergi ke sana, saya dapati meja di situ meja budak sekolah. Saya diberi satu meja budak sekolah - meja kayu - dan di dalam itu ada tempat letak barang dan satu kerusi kayu untuk saya duduk. Bukan saya hendak megah sangat hendak duduk atas kerusi yang sedap, tetapi ini macam di sekolah, macam "mock trial", dengan izin, tidak macam kita menjalankan prosiding dalam sebuah mahkamah secara serius.

Sebab itu, saya menyokong usaha daripada pihak Kementerian dengan memasukkan Perkara 58 dan 59 berkenaan dengan pendakwaan dan perwakilan. Saya ingat ini penting, kita mesti perbetulkan, kita mesti perbaiki Mahkamah Syariah ini supaya ia akan menjadi sebuah mahkamah yang kita hormati. Ini penting. Kalau tidak, orang tidak akan yakin dengan apa juga keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah ini kerana bila dia masuk dalam mahkamah, dia tengok

perbicaraan itu seolah-olah satu permainan dan bukan satu perbicaraan yang serius yang sedang dijalankan oleh mahkamah itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang hendak saya bangkitkan dalam perkara Rang Undang-undang ini, maka saya akhirilah dengan menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat: Tuan Rahim Baba, silakan.

**5.28 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan mengenai Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya akan menyentuh kepada lima perkara. Pertamanya, saya ingin mengalu-alukan Fasal 88, di mana di bawah Rang Undang-undang ini seorang Pendaftar Muallaf hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan untuk menyelenggarakan suatu Daftar Muallaf dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran Muallaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya telahpun sampai masanya kerana dengan keghairahan dan dengan sambutan oleh rakyat yang bukan Islam terhadap Islam dan juga kebangkitan Islam, satu Daftar Muallaf hendaklah diadakan dan saya berharap badan-badan lain yang juga terlibat dengan mengislamkan mereka yang bukan Islam seperti PERKIM, ABIM dan yang lain-lain juga hendaklah turut sama memberikan kerjasama kepada pendaftaran ini. Cuma saya dapati dalam Rang

Undang-undang ini tidak mewajibkan, umpamanya, orang Cina, orang India ataupun sebagainya yang masuk Islam ini menukar nama mereka. Saya fikir ini sesuatu yang patut kita alu-alukan kerana kita tidak ingin menggambarkan bahawa orang Melayu itu Islam. Memang dalam Perlembagaan kita mengatakan orang Melayu itu Islam dan orang Cina atau India itu bukan Islam. Dengan tidak adanya kewajipan ini maka kita berharap, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Zaleha tadi, tidak ada mereka yang masuk Islam dengan tujuan-tujuan ataupun niat-niat yang tertentu.

Pada masa yang sama juga kita berharap - kerana Majlis Agama Islam tiap-tiap negeri mempunyai Majlis Agama Islam masing-masing; saya percaya tiap-tiap negeri juga mempunyai Daftar Muallaf masing-masing - kalau dapat dengan keadaan perkembangan teknologi maklumat sekarang ini, kita harap supaya Daftar Muallaf ini dapat dicentralisekan. Kalau seseorang yang didaftar dalam Daftar Muallaf di Wilayah Persekutuan, mungkin Perakuan Masuk Islam mereka hanya terdapat di Wilayah Persekutuan sahaja. Tetapi bagi mereka yang masuk Islam di tempat lain, seperti di Perak, Selangor atau sebagainya mungkin tidak dapat dikesan. Jadi, adalah lebih baik kalau Daftar Muallaf ini dapat dicentralisekan, kerana kalau timbul sebarang perbalahan, ianya bolehlah dirujuk kepada Daftar Muallaf yang dicentralisekan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin dapatkan penjelasan, walaupun saya agak keberatan untuk bertanya perkara ini, tetapi apabila saya meneliti akan Fasal ini, saya rasa perlu meminta penjelasan, khasnya daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri yang akan menjawab, iaitu Fasal 91(1) "Seorang yang telah masuk Islam dan telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan untuk semua masa...." - saya expresskan perkataan "untuk semua masa..." - diperlakukan sebagai seorang Islam."

Saya bukanlah sebagai seorang peguam, tetapi dalam penelitian saya ianya membawa makna seolah-olah seorang yang telahpun masuk

Islam, ataupun seorang Islam itu ianya tidak mempunyai hak lagi untuk mengisytiharkan diri keluar daripada Islam. Saya menimbulkan soal ini kerana kita tidak mahu menghadapi masalah di masa-masa yang akan datang. Kerana dari masa ke semasa kita lihat di akhbar-akhbar, terdapat mereka-mereka yang dahulunya Muallaf masuk Islam, lepas itu mengisytiharkan diri mereka keluar daripada Islam. Jadi, apakah tidak bercanggah dengan Fasal 91(1) ini? Dan istilah 'Muallaf ini pun, saya pun tak faham, berapa lama seorang itu boleh menganggap bahawa dirinya sebagai seorang muallaf. Apakah setelah setahun, dua tahun ataupun 10 tahun ataupun 20 tahun ataupun selama-lamanya - asalkan dia masuk Islam; katalah kalau seorang anak kecil masuk Islam pada peringkat umur 18 tahun, apabila sampai umurnya 70 tahun, apakah beliau itu masih lagi dianggap sebagai seorang muallaf dan berhak dalam mendapatkan pembahagian daripada zakat sebagai salah seorang daripada lapan kumpulan yang berhak menerima kewangan daripada zakat dan sebagainya. Jadi, saya inginlah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri tentang istilah 'muallaf' ini, apakah selama-lamanya seorang itu akan dianggap sebagai muallaf apabila beliau telahpun mengisytiharkan dirinya sebagai seorang Islam?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai penubuhan Mahkamah Syariah, iaitu Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan. Memang kita mengalu-alukan penubuhan ketiga-tiga Mahkamah Syariah ini, sepertimana yang telahpun dijelaskan oleh sahabat saya Senator Tuan Haji Mohamed Nazri tadi, betapa daifnya keadaan Mahkamah Syariah - itu mungkin 10

tahun yang lalu. Tetapi kemungkinannya telahpun ada perbaharuan-pembaharuan sekarang ini. Khususnya Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan ini yang terdapat lebih kurang tiga ratus ribu penduduk Islamnya dengan berbagai-bagai ragam dan berbagai-bagai masalah kekeluargaan yang dihadapi sekarang ini. Saya difahamkan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan hanya terdapat lima orang Hakim sahaja untuk mengendalikan masalah-masalah kekeluargaan, masalah-masalah pendakwaan dan sebagainya. Tambahan pula, dengan aktifnya pihak JAWI sekarang ini menangkap pasangan-pasangan yang berkhalwat dan sebagainya, tentulah banyak kerja-kerja yang perlu dijalankan oleh penghakiman-penghakiman ini.

Cuma saya berharap dan saya merayu kepada pihak JAWI khususnya di samping kita mengalu-alukan tangkapan-tangkapan terhadap mereka yang melakukan maksiat dan sebagainya, tetapi pada masa yang sama, kita hendaklah memikirkan supaya tidak mengaibkan dan tidak menjatuhkan air muka orang dengan menyiarkan gambar mereka dalam suratkhbar. Kadangkala mereka menjemput akhbar dan TV untuk datang sana. Saya percaya mereka yang ditangkap itupun telah menerima satu keaiban yang sebegitu buruk. Tetapi apabila dikeluarkan dalam TV, di dalam akhbar, saya fikir agak keterlaluan. Kita sebagai seorang Islam, saya percaya tidak sepatutnya kita menurunkan lagi malu kepada sesama Islam. Jadi, saya berharap, saya memang mengalu-alukan tindakan JAWI, tetapi pada masa yang sama kita hendaklah sama-sama menjaga maruah orang ialam supaya tidak terus-menerus seolah-olah 'sudah jatuh ditimpa tangga'.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telahpun saya katakan tadi, di Wilayah Persekutuan hanya terdapat lima orang Hakim, dan saya difahamkan bahawa Hakim-hakim ini pun adalah Hakim-hakim yang

dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya ingin mencadangkan, kalau di mahkamah awam ataupun di mahkamah sivil, kita mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman yang mempunyai tanggaji yang berlainan, kelayakan dan juga had umur bersara. Kalau di Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman, seorang Hakim itu boleh bersara sehingga usia 65 tahun, kalau tidak silap saya. Tetapi jika seorang itu tertakluk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dia hanya boleh berkhidmat setakat 55 tahun, dan itupun hanya boleh berkhidmat di dalam sesebuah negeri itu.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya di peringkat Pusat bukan di peringkat Negeri, malahan saya ingin mencadangkan di peringkat Puan supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Syariah, di mana ianya boleh dipakai - Hakim-hakim ini boleh dipindahkan di antara satu negeri, ke negeri-negeri yang lain. Dia tidaklah kalau berkhidmat di Wilayah Persekutuan hanya duduk di Wilayah Persekutuan sahaja. Kalau di Wilayah Persekutuan dia pun boleh pindahkan ke Perak, ke Johor ataupun sebagai, seperti juga Hakim-hakim yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman. Jadi, dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Syariah ini dapatlah difikirkan gaji yang berlainan, gaji yang munasabah, kelayakan-kelayakan dan juga had umur sepertimana juga Hakim-hakim yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman. Melalui perlantikan ini, di mana mereka itu boleh dipindahkan ke negeri-negeri lain, mereka juga boleh merancang mengenai career development masing-masing. Kalau di Wilayah Persekutuan memikirkan hanya lima orang sahaja Hakim yang diperlukan, mereka itu boleh pergi ke negeri lain yang lebih tinggi lagi darjat ataupun kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian VIII, iaitu Pungutan Khairat, di mana di bawah Fasal 84(1) "Majlis boleh memungut atau memberikan surat-surat kebenaran dengan terma-terma yang difikirkannya patut pada mana-mana orang atau kumpulan orang,..." untuk membuat kutipan-kutipan dan sebagainya. Saya masih ingat lagi pada satu ketika dahulu kita telahpun menubuhkan YPEIM, kalau tak silap saya iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia; dan saya percaya YPEIM ini patut diperluaskan lagi. Kalau perlu, sekarang ini sumbangan kepada YPEIM adalah secara sukarela.

Kalau difikirkan perlu untuk kemajuan orang-orang Islam, boleh kita wajibkan setiap pekerja Islam umpamanya yang bekerja dengan Kerajaan menyumbang RMI sebulan. Kalau seorang sahaja menyumbang RMI, saya percaya daripada 800,000 pekerja yang bekerja di jabatan Kerajaan, saya fikir lebih kurang RM600,000 terdiri daripada pekerja-pekerja Islam, .sekurang-kurangnya di antara RM600,000 dapat dikutip untuk pembangunan ekonomi orang-orang Islam.

Saya percaya dengan memberi sumbangan RMI dengan niat dan juga tujuan yang ikhlas tidaklah membebankan pekerja-pekerja Islam di jabatan-jabatan Kerajaan. Dan kalau boleh kita panjangkan kepada pekerja-pekerja di syarikat-ayarikat swasta juga. Saya percaya kalau dipanjangkan, mungkin kita akan dapat mengutip RM2 juta ataupun RM3 juta sebulan, dan dalam masa setahun RM20 juta ataupun RM30 juta kewangan dapat dikutip untuk membangunkan ekonomi umat Islam.

Tuan Yang di-pertua, saya baru-baru ini sempena Hari Raya Korban, saya telahpun membuat kajian ataupun membuat congakan berapa banyak lembu ataupun kambing yang telah pun dikorbankan. Dalam penyelidikan saya lebih kurang 32 masjid yang terdapat di Wilayah Persekutuan ini, dan dengan hitung panjang sebuah masjid mengorbankan 15 ekor lembu, hampir-hampir 500 ekor lembu telahpun dikorbankan dan dengan kiraan seekor lembu berharga RM1,000 sekurang^kurangnya sudah RM500,000 telah pun dikorbankan. Dan saya dapati apabila tiba masa Hari Raya Korban. kebanyakan kita orang Islam memang dengan rela hati mengeluarkan korban dan sambutan yang sebegitu menggalak-

kan sekali. Dan saya fikir, saya tidak tahu bagaimana fatwa yang boleh dikeluarkan, sama ada korban binatang ini boleh digantikan dengan korban sumbangan kita kepada sesuatu tabung ataupun kalau kita teruskan dengan korban lembu ataupun korban kambing ini kita teruskan juga, tetapi pada masa yang sama, Majlis Agama- Islam memainkan peranan supaya timbul perasaan kesedaran, apabila tiba Hari Raya Korban mereka yang hendak menyumbang, hendak membuatkan pengorbanan, bolehlah menyumbang kepada sesuatu tabung, kalau boleh tadi kepada YAPEIMlah; kita sumbangkan supaya dapat kita menambahkan lagi tabungan ataupun kewangan untuk penduduk-penduduk Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima yang ingin saya sentuh ialah tentang peranan-peranan yang dimainkan oleh masjid. Di dalam Akta ini, disebut mengenai iaitu peranan masjid - fasal 72. Di mana dalam fasal 73 disebutkan:

"Tidak seorangpun boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa-apa bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid."

Tetapi apabila saya meneliti Akta ini tidak disebut mengenai pembinaan surau-surau ataupun madrasah. Pembinaan masjid adalah terletak kepada kebenaran daripada Majlis Agama Islam. Saya ingin mencadangkan supaya pembinaan surau ataupun madrasah di dalam sesuatu qariah masjid itu hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pengerusi ataupun daripada Jawatankuasa Masjid di

dalam sesuatu qariah itu, kerana kita tidak mahu terdirinya surau-surau ataupun madrasah-madrasah yang tidak terancang di dalam sesuatu kawasan ataupun di dalam sesuatu qariah itu.

Saya juga ingin mencadangkan supaya masjid-masjid juga dijadikan sebagai satu tempat, sebagai satu institusi masyarakat bukan hanya kita melihat masjid sebagai tempat kita bersembahyang sahaja. Kadangkala kita lihat walaupun sejak akhir-akhir ini telah ada pembaharuan-pembaharuan khasnya masjid-masjid yang baru, kalau untuk masa-masa yang akan datang, pembinaan-pembinaan masjid biarlah sesuatu kompleks yang 'complete', yang lengkap, maksudnya ianya bukan hanya sebagai satu institusi untuk-kita pergi sembahyang ataupun pergi sembahyang Jumaat, sembahyang Hari Raya, hanya itu sahaja. Kerana sekarang ini orang masih lagi menganggap masjid hanya sebagai tempat singgah sembahyang, sembahyang Hari Raya, sembahyang Jumaat, tetapi tidak melebihi daripada itu.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap perancangan pembinaan sesebuah masjid itu difikirkan supaya ianya boleh menjadi sebuah institusi masyarakat yang merapatkan masyarakat kepada masjid. Mungkin boleh difikirkan perlunya didirikan khutubkhanah supaya kanak-kanak boleh pergi belajar, dilengkapi khutubkhanah ini dengan kemudahan-kemudahan buku, bukan hanya buku-buku agama sahaja, tetapi juga buku-buku yang lain untuk anak-anak kita pergi belajar dan juga mentelaah. Kalau di peringkat TADIKA kita adakan kelas TADIKA. Dan juga di mana sesuai masjid-masjid juga sepatutnya mempunyai dewan-dewan besar yang boleh diadakan majlis-majlis

seperti majlis-majlis perkahwinan. Dan begitu juga kalau ada kawasan-kawasan yang sesuai boleh didirikan rumah untuk orang-orang tua ataupun untuk anak-anak yatim, supaya anak-anak yatim atau orang-orang tua ini sentiasa dilawati, sentiasa dilihat oleh mereka yang secara sambilan pergi ke masjid dan pada masa yang sama juga dapat memberikan perhatian kepada mereka ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pada masa yang akan datang, pembinaan-pembinaan masjid hendaklah difikirkan sebagai satu institusi yang complete untuk masyarakat sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah, lima perkara yang ingin saya utarakan di dalam membahar dan juga menyokong Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.**

**5.48 ptg.**

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Wilayah-wilayah Persekutuan iaitu suatu undang-undang penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, penubuhan dan organisasi mahkamah-mahkamah syariah dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya atau Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992 bagi Wilayah-wilayah Kuala Lumpur dan Labuan.

Maka saya ingin memperkatakan bahawa dengan adanya Akta Pentadbiran Undang-undang Islam, bukanlah bermakna Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara ini menolak Al-Quran, bahkan dengan adanya Akta Pentadbiran itu menguatkan atau memberi ketegasan bahawa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional mahu menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan sebagai suatu kenyataan, bukan omong-omong kosong.

Akta itu yang dibahaskan dalam Parlimen untuk memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin PAS, terutamanya, bagi membuat penghujahan yang membina jika parti -itu benar-benar memperjuangkan Islam. Tetapi sebagai mana semua orang tahu, di dalam Dewan Rakyat tidak ada pemimpin PAS yang menyumbangkan hujah-hujah positif bagi perbahasan kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemimpin-pemimpin PAS tidak memberi manfaat dalam berhujah bagi melengkapkan suatu Rang Undang-undang di peringkat Wilayah Persekutuan, mereka mahu melaksanakan undang-undang Islam di seluruh negara, khasnya hukum hudud. Dan dalam melaksanakan undang-undang Islam itu, diri sendiri adalah lebih afdhal dalam mencontohi segala yang diperintahkan oleh al-Quran. Jika Ahli-ahli kita sendiri kaki judi, kaki betina dan bukannya mengkafirkan orang lain itu hukumnya kita sendiri menjadi kafir? Sedangkan Nabi kita Muharamad Rasullullah S.A.W. berdakwah berpuluh-puluh tahun tetapi tidak pernah mengkafirkan insan yang lain, bahkan membetulkan dengan sopan santun tentang apa yang kita lakukan tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan untuk menyokong Akta ini, sebenarnya saya amat berasa bangga kerana Kerajaan telah menegahkan Akta yang ada di hadapan kita. Hanya beberapa perkara sahaja yang ingin saya utarakan iaitu di mana-mana sahaja terdapat perkataan "sembahyang" di dalam Akta yang kita bahaskan ini, adalah lebih tepat jika perkataan itu diganci dengan perkataan "solah". Perkataan "sembahyang" adalah umum di mana perkataan itu biasanya digunakan untuk agama lain, tetapi bagi agama Islam perkataan "solah" sebagai ganti kepada perkataan "sembahyang" adalah lebih tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi pandangan mengenai Pasal 95 iaitu tentang keupayaan "masuk Islam" dan perkataan "sempurna akal" dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan, bagi mereka yang mencapai umur 18 tahun iaitu perkataan "mencapai umur 18 tahun". Persoalan saya ialah kenapa tidak "21 tahun" atau sebagainya? Saya ingin mendapat penjelasan dari segi tahap umur itu. Sekarang kita membincangkan undang-undang Islam. Bagi mereka yang "baligh" iaitu mereka yang wajib sembahyang, pada saya "sempurna akal" bagi wanita ialah wanita yang ada bermimpi. Wanita yang bermimpi (yang subur atau yang sihat) ialah pada umur 9 tahun dan keseluruhannya pada umur 15 tahun. Bagi lelaki ialah mereka yang berumur 15 tahun ke atas. Mereka yang saya sebutkan itu wajib bersembahyang dan jika mereka meninggalkan sembahyang...adalah berdosa. Kepada saya, merekalah yang tergulung dalam Pasal 95 itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam garis panduan yang dimuatkan di dalam Akta ini, telah meyakinkan kita bahawa pentadbiran agama Islam yang akan dilaksanakan di Wilayah-wilayah Persekutuan itu akan dapat berfungsi dengan sebaik mungkin. Segala kelemahan-kelemahan yang terdapat pada hari ini akan dapat diatasi. Dalam usaha-usaha Kerajaan bagi "mengimarahkan" Masjid, maka sekarang ini Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama) sedang memainkan peranan bagi "mengimarahkan" masjid, dan menjadikan masjid sebagai tempat yang paling bersih dan sebagai tempat untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan orang-orang Islam dapat dipertingkatkan. Dengan adanya Akta seperti apa yang saya sebutkan itu, maka fungsinya akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saudara baru sering ditinggalkan di dalam urusan membawa mereka supaya sentiasa teguh di dalam keimanan mereka, sedangkan PERKIM adalah memainkan peranan yang lain. Justeru itu, dengan adanya Akta Pentadbiran Undang-undang Islam, maka masjid-masjid dapat memainkan peranan ke arah peningkatan keimanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Majlis menjadi pemegang amanah bagi semua masjid-masjid, sukalah saya menyebutkan bahawa tiap-tiap masjid mempunyai harta-harta tetap dan semasa. Harta-harta semasa, sama ada sumbangan dari orang ramai atau sebagainya adalah tidak berfungsi dengan sebaiknya. Dengan itu, jika sekiranya wang yang dikumpulkan itu dapat dilaburkan, maka ia akan dapat memberi faedah yang lebih besar lagi di dalam mempertingkatkan kefahaman agama ataupun untuk memberi faedah lain kepada umat Islam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap dengan lebih panjang lagi, tetapi walau bagaimanapun, saya menyokong penuh agar apa yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya tadi, dan juga segala yang telah saya kemukakan itu diambil-kira dengan sebaik mungkin yang dapat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Salleh.

**5.58 ptg.**

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada kali ini sebagai memberi

sokongan penuh di atas Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan ribuan terima kasih diucapkan di atas kesungguhan dan keyakinan di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Walau bagaimanapun, saya ingin juga membuat sedikit teguran dan juga pandangan. Saya ingin menyentuh di dalara Perkara 10(1)(h), iaitu di dalam perlantikan "ahli-ahli Majlis". Walaupun terdapat di dalamnya 15 orang anggota lain, tetapi sekurang-kurangnya 5 orang daripada mereka hendaklah terdiri dari orang yang arif di dalam pengajian Islam. Oleh kerana Majlis Agama Islam adalah merupakan suatu Majlis yang tertinggi, maka ahli-ahli Majlis yang akan dilantik seboleh-sebolehnya kesemuanya adalah 'yang arif', kalaulah ahli-ahli yang dilantik itu tidak begitu arif di dalam Islam, akan tetapi latarbelakang mereka juga harus dikaji dan diteliti. Kepada mereka yang arif, alim dan yang memahami Islam juga perlu diteliti budi pekerti dan latarbelakangnya, kerana terdapat orang yang arif tetapi pernah melakukan sesuatu yang ditegah oleh hukum Islam.

Sebab itulah pemilihan ahli-ahli ini hendaklah dihalusi, diteliti dan dicermati supaya ahli-ahli Majlis ini merupakan lambang dan simbol Majlis Agama Islam sendiri di tempat di mana mereka itu diberi tugas dan tanggungjawab.

Saya juga ingin menyentuh Pasal 74(1), (2), (3) dan (4) iaitu mengenai penyenggaraan masjid dan kawasan. Umum telah mengetahui bahawa negara-negara Islam yang lain menghormati negara kita kerana sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan Islam itu sendiri di dalam pentadbirannya dan amat dikagumi. Kita telah membaca akhbar yang mana dua-bulan yang lalu, sebuah masjid telah roboh kubahnya. Ini amat memalukan kita dan lebih memalukan lagi sekiranya keruntuhan kubah itu mengorbankan nyawa orang awam. Apabila akhbar-akhbar luar negara menyentuh perkara ini, ini akan dianggap oleh negara-negara Islam yang lain bahawa kita hanya menjaga masjid-masjid sebagai lambang masjid besar yang didirikan sahaja sedangkan masjid lain diabaikan. Dalam sehari dua ini, hujan lebat dan Kuala Lumpur banjir besar dan terdapat sebuah masjid lagi yang runtuh kerana hakisan. Ini penting dan amat perlu diambilkira. Sudah sampai masanya bahawa pengurusan masjid-masjid ini mestilah ditadbirkan dengan sebaik mungkin. Kalau boleh dapat mewujudkan satu Jawatankuasa Pengurusan Masjid. Jangan semata-mata diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid untuk mengemukakan apa-apa masalah.

Pihak Majlis juga sepatut dan sewajarnya mewujudkan Unit Pengurusan Masjid-masjid di dalam Wilayah. Kalau sekiranya ada terdapat kerosakan dan sebagainya, cepatlah dibaikpulih dan sebagainya. Kita bimbang, pihak ahli Jawatankuasa Masjid telah menghantar surat kepada pihak yang berkenaan untuk dibaikpulih, tetapi sebelum dibaikpulih masjid ini telah runtuh. Ini amat memalukan kita. Saya harap kepada Menteri yang berkenaan, hendaklah memikirkan perkara ini.

Akhirnya saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 95, Pasal Kecil (3) dan (4)(a), berkenaan dengan soal pendidikan. Dalam menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengeluarkan surat-surat izin ataupun tauliah, hendaklah kita meneliti orang-orang yang kita akan izinkan ataupun orang yang kita akan lantik. Kita bimbang, sejak akhir-akhir ini terdapat ahli-ahli agama kita telah melakukan penyelewengan dalam pengajaran agama. Sebab itulah untuk mengelakkan perkara-perkara ini supaya tidak akan berulang dan tidak akan berlaku lagi, hendaklah Jawatankuasa Kecil ini meneliti dan juga membuat pengkajian latarbelakang calon-calon yang akan dilantik ini supaya tidak lagi berlaku dan akan membebankan kepada Majlis yang kita tugaskan dan tanggungjawabkan.

Dengan itu, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan ini dan saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Menteri menjawab.

**6.05 ptg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang**

**[Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberi pandangan, pendapat tentang Rang Undang-undang ini, khususnya kepada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Yang Berhormat Rahim bin Baba, Yang Berhormat Saidin bin. Mohamad dan Yang Berhormat Tuan Haji Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Hussin berkenaan Pasal 32 sehingga 39 mengenai fungsi Mufti dan fatwa, kalau kita lihat di dalam peruntukan ini, fungsi dan tugas Mufti serta Majlis Fatwa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Fasal 32 hingga 39, memanglah jelas dan terperinci. Semua perkara yang memerlukan fatwa ataupun hukum dalam semua bidang, sama ada bidang ibadat, bidang munakahat atau bidang rnuamalat, akidah termasuk ajaran-ajaran sesat dan sebagainya dibuat kajian dahulu serta dihalusi dan diteliti dengan penuh lengkap sebelum ianya diangkatkan bagi tujuan membincang dan membahaskan dalam Jawatankuasa Fatwa untuk dijadikan satu fatwa di dalam isu-isu yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya wujud mereka yang tidak bertanggungjawab mengeluarkan hukum ataupun suka menjatuhkan hukum,

pendapat dan pandangan hukum dalam sesuatu perkara yang boleh mengelirukan dan mewujudkan suasana yang tidak stabil di negara kita.

Suka saya jelaskan di sini bahawa hukum ataupun pendapat mengenai agama yang dikeluarkan oleh mereka yang tidak mempunyai tauliah dan tidak mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan fatwa sebenarnya bukanlah fatwa, walaupun mereka ataupun pengikut mereka mendakwa bahawa ianya sebagai fatwa. Oleh itu, seharusnya kita pandai meneliti dan memahami sama ada perkara-perkara itu dianggap sebagai fatwa atau hanya pendapat yang mempunyai bau dan raatlamat tujuan politik tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada pendapat ataupun dakwaan fatwa yang dikeluarkan oleh mereka itu yang bertentangan dengan Enakmen, maka Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, akan mendakwa mereka itu di bawah kesalahan di bawah Enakmen yang ada.

Mengenai soal Muallaf. Pada masa ini, struktur Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sedang dalam penyusunan semula. Dalam penyusunan seraula ini termasuklah memperkemaskinikan unit yang khusus menjaga hal-hal kebajikan dan agama bagi muallaf. Oleh itu, tentang soal pentadbiran, soal maklumat dan data mengenai muallaf akan menjadi lebih tersusun dan teratur di mana maklumat itu boleh didapati dengan mudah bagi mana-mana pihak yang ingin mengetahui kedudukannya.

Pada masa ini juga Majlis memang mengambil berat mengenai perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan kedudukan muallaf sama

ada diikuti, disusuli tentang kebajikan dan kepentingan muallaf ini. Penubuhan Darul Ukhwah ataupun rumah-rumah tumpangan untuk saudara-saudara baru kita yang bermasalah menunjukkan tujuan dan hasrat kita yang jelas bagi mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan muallaf ini. Juga kelas-kelas bagi tujuan memperkenalkan dan mendekatkan mereka dengan ajaran Agama Islam, kelas-kelaa bimbingan agama telah diperkemaskan dan diperbanyakkan oleh pihak JAWI bagi menjamin bahawa mereka yang memeluk agama Islam mendapat bimbingan yang sempurna mengikut kehendak agama Islam dan mereka memahami agama yang mereka telah anuti.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal masjid, iman dan khatibnya hendaklah ditingkatkan ilmu, supaya jangan pendengar tidak faham apa yang mereka baca ataupun membawa ilmu salah; fatwa diberikan, mufti membisu; ajaran dan fatwa karut; Majlis Agama Islam yang tidak selaras, suka saya jelaskan di sini memang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan senantiasa menyediakan kursus-kursus. Antaranya Kursus Penghayatan Islam dan Kaedah-kaedah Pentadbiran Masjid. Kursus-kursus ini meliputi Ahli-ahli Jawatankuasa dan juga pegawai-pegawai Masjid. Jabatan sentiasa mengawal dan mengawasi isu-isu penguatkuasaan di JAWI.

Berkenaan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa, ia berpandukan Hukum Syarak. Maka penyelewengan yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab diatasi oleh pegawai yang bukan mufti. Jabatan Perdana Menteri sedang menyelaraskan beberapa aspek pentadbiran agama negeri di peringkat negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan persoalan yang dikemukakan oleh Puan Hajah Zaleha Hussin, untuk mengatasi ajaran sesat, suka saya katakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi untuk mengambil tindakan terhadap ajaran salah oleh pihak Majlis adalah seperti berikut; tidak ada masalah yang dihadapi oleh Majlis, tidak ada peruntukan khusus mengenai bidang kuasa Pegawai Penyiasat dalam Enakmen sekarang. Dalam Akta yang baru ini telah diwujudkan.

Keduanya peruntukan yang ada mesti mengikut prosedur berikut:-

- (i) membuat kajian terlebih dahulu dan memastikan ajaran tersebut menyeleweng;
- (ii) menyediakan kertas kerja untuk dibawa ke dalam mesyuarat fatwa;
- (iii) mengeluarkan fatwa sama ada ajaran tersebut menyeleweng ataupun tidak. Selepas berpuashati dan membuat kajian mengenai kertas kerja yang dibentangkan dan dibincangkan, baru dikeluarkan fatwa sama ada ajaran tersebut masih berjalan ataupun boleh diambil tindakan sama ada itu ajaran sesat dan jika didapati ajaran seata sama ada ia raasih dijalankan terus ataupun bagaimanakah tindakan yang boleh diambil bagi membanteras keadaan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Pertamanya berkenaan sekatan perkembangan agama bukan Islam kepada masyarakat Islam serta soal Injil dalam Bahasa Melayu. Di dalam Perlembagaan tidak ada salahnya mana-mana kitab agama dikeluarkan di dalam Bahasa Melayu. Yang disekatkan di dalam undang-undang kita ialah berkenaan dengan penyebaran agama yang bukan Islam kepada orang-orang Islam. Oleh itu soal berkenaan penggunaan bahasa tidak dapat disekatkan melainkan dalam penggunaan perkataan-perkataan tertentu supaya ia tidak membangkitkan

kekeliruan ataupun mempunyai tujuan bagi mengelirukan orang-orang Islam dalam hal-hal penyebaran agama mereka. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi bahawa kita mempunyai peruntukan yang mengatakan tidak boleh disebarkan agama selain daripada Islam kepada orang Islam. Tetapi tindakannya ataupun undang-undang bagi menghukum apa-apa kesalahan tidak ada. Oleh itu perkara ini masih lagi di dalam kajian Jabatan Perdana Menteri dan kita akan menentukan bagaimana undang-undang yang sesuai bagi menyekat agama bukan Islam disebar kepada masyarakat Islam.

Tentang Fasal 39(3), ini tidak timbul masalah berkenaan dengan mufti mengikut hematnya. Seseorang mufti apabila ia bertindak sebagaimana seorang peguam dan seorang Hakim Mahkamah Sivil juga, ia bertindak di atas landasan-landasan terdidiknya ataupun mengikut hukum-hukum yang telah diterima dan tidak mengikut kehendak sesuka hatinya. Oleh itu mufti apabila dikatakan, "dengan mengikut hematnya" mestilah kepada berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Perkara-perkara yang dibawa selepas itu dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Hal ini jika tidak ada dalam kitab ulama fiqh, atau perkara ini adalah menyentuh perkara-perkara yang baru timbul di zaman moden. Tidak bermakna kalau kita mempunyai qaul muktamat oleh empat Mazhab maka kita menyempitkan perkembangan dan kefahaman kita terhadap isu-isu yang timbul di dalam keadaan zaman yang berubah dari masa ke semasa dan mengatakan oleh kerana tidak ada di dalam Mazhab-Mazhab ini maka tidak boleh diberikan hukum ataupun dibawakan pandangan mengikut ajaran dan kehendak agama Islam.

Sebab itulah agama Islam adalah satu-satunya agama, dari segi hukum-hukumnya ia boleh berkembang dan maju dan sesuai untuk segala masa. Oleh itu, ini memberikan kebebasan untuk kita memberikan tafsiran dalam keadaan-keadaan tertentu yang berasaskan lunas-lunas yang termaktub di dalam ajaran dan pengajaran agama Islam itu sendiri.

Berkenaan Fasal 85, berkenaan saksi atau perlunya seseorang yang hendak menjadi orang Islam mestilah ada saksi dan ianya juga tertakluk kepada Fasal 89(1),(2),(4) dan (5).

Berkenaan dengan akil baligh tadi, saya hendak jelaskan iaitu keperluan untuk memasukkan akil baligh sebagai salah satu syarat sebelum seseorang itu menjadi orang Islam tidak bangkit langsung. Oleh kerana di dalam hukum seseorang yang hendak menjadi orang Islam mesti akil baligh. Itu adalah dalam Hukum Syarak. Tidak kesemuanya peruntukan di dalam Akta ini kita masukkan perkara-perkara yang bersabit dengan hukum, ada perkara-perkara yang memang sudah ada di dalam hukum Islam yang tidak perlu kita terakan di dalam Akta ini. Ini hanya perkara-perkara sebagai rangka tetapi soal-soal- lain yang ada di dalara hukum syarak atau terkandung di fiqih, di dalam Al-Quran dan Sunnah yang tidak perlu disebut tetapi ia tetap digunapakai bagi tujuan mentafsirkan sesuatu perkara berkenaan soal ini.

Amalan sekarang ialah kalau kita sudah ada hendak buat daftar dan seseorang itu kena mengucap dua kalimah Syahadah, dua kalimah Syahadah itu ucapannya mesti diterima, bermakna ucapan dan lafaz itu mestilah di hadapan saksi. Jadi dari segi amalannya memang di hadapan saksi dan ini tidak membangkitkan masalah. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kerana memperingatkan

kita tentang perkara yang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya terpaksa pergi merata untuk cari soalan-soalannya. Berkenaan dengan pinjaman yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Mohamed Nazri tadi, sama ada Majlis boleh melakukan pinjaman yang bertentangan dengan Hukum Syarak ataupun mendapatkan pinjaman mengikut sistem perbankan riba. Kalau kita tengok di bawah Pasal 5 peruntukan yang ada. Segala kontrak yang dibuat oleh Majlis mestilah mengikut Hukum Syarak dan hukum-hukum Islam. Bermakna segala perkara yang dilakukan oleh Majlis mestilah bersesuaian dengan kehendak Hukum Syarak itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan raengambil masa sedikit oleh kerana saya hendak tengok tiap-tiap aolan supaya saya tidak tertinggal. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz juga membangkitkan berkenaan bolehkah Ahli-ahli Majlis itu dicadangkan supaya terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam di Wilayah Persekutuan.

Sukalah saya jelaskan di sini bahawa cadangan itu bolehlah diambil - kita maklum dan mengambil kira. Tetapi untuk dilaksanakan secara pentadbiran, kita tidak perlu kerana peruntukan. itu memberikan kelonggaran. Jadi, sesiapa pun yang didapati perlu dan termasuklah Ahli-ahli Parlimen yang mewakili rakyat, jika didapati perlu, akan dimasukkan sebagai ahli Majlis. Pada masa ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada Ahli-ahli Parlimen dari Wilayah Persekutaa Kuala Lumpur dan Labuan menduduki sebagai ahli-ahli Majlis. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat supaya had masa untuk menjadi ahli Majlis di bawah peruntukan 10(1)(h) supaya dihadkan kepada dua tempoh, dengan izin, two terms.

**Tuan Yang di-Pertua; Dua penggal.**

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di Pertua, ini adalah satu perkara yang boleh diambil perhatian dan jika didapati. sesuai, mungkie Kerajaan boleh meneliti perkara ini, dan jika Kerajaan berpendapat ia boleh dilaksanakan, insya Allah, ia akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang beralih kepada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Saudara Tuan Rahim bin Baba berkenaan sama ada seseorang yang telah menjadi orang Islam, fasal apa dia tidak boleh keluar. Biar saya jelaskaa perkara ini. Mengikut hukum

Islam, seseorang yang telah menjadi Islam, kalau mengikut hukum Islam yang betul iaitu hukum-hukum syarak, kalau dia keluar daripada Islam, hukumnya ialah hukum bunuh. Tetapi oleh kerana kita tidak masukkan hukum itu, perkara itu kita "silent", dan kita terpaksa mengikut hukum itu kerana ada peruntukan yang termaktub di dalam hukum Islam yang kita tidak boleh pinda, bukan soal kebebasan atau menafikan kebebasan. Itu adalah perkara yang tidak kita dapat rundingkan. Jadi, itu saya suka jelaskan supaya tidak timbul apa-apa masalah.

Seseorang, muallaf itu akan terus menjadi seorang muallaf, hanya anak-anaknya kemudian baru menjadi Islam yang tidak lagi dikategorikan di dalam muallaf selagi dia hidup walaupun dia hidup mencapai umur 70 tahun; daripada 8 tahun sehingga 70 tahun atau 75 tahun, dia telah menjadi orang Islam.

Jadi berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Tuan Rahim bin Baba juga mengenai tangkapan pesalah khalwat tidak wajar diexposekan di akhbar/media massa. Walaupun saya bersetuju, saya fikir pentinglah orang-orang Islam menjaga soal kesucian dan akhlak orang Islam itu sendiri supaya kita tidak menganiyai agama kita. Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu bahawa di dalam Operasi Pencegah Maksiat ini, ia bukan tugas JAWI untuk bawa jurugambar. Tetapi kita tidak boleh menafikan kepintaran media massa. Media massa mempunyai cara mendapatkan maklumat dan bukan, sahaja maklumat berkenaan ini, malahan maklumat rahsia, maklumat perkara-perkara yang menghina dan perkara-perkara seumpamanya yang kita lakukan, suratkhbar sudah tahu sebelum diketahui

umum. Jadi, kita tidak boleh salahkan JAWI juga dalam hal ini tetapi barangkali ada baiknya. Mungkin kalau ada perkara ini tersiar kadangkala. Sekali-sekala apabila tersiar, mungkin kalau kita hendak melakukan perkara-perkara yang terkutuk, mungkin kita tidak akan lakukan. Kita takut oleh kerana masyarakat akan tahu dan ini akan mungkin menjejaskan kedudukan kita. Tetapi apa yang tersiar dalam akhbar adalah kerja yang semata-mata kerja pemberita

JAWI tidak maklumkan kepada media massa. Saya ingin jelaskan dan menekankan bahawa media massa tidak dipanggil atau dimaklumkan. Namun, mereka berada di situ, namun ini adalah di luar kawalan. Kalau Yang Berhormat dapat apa-apa maklumat yang mengatakan bahawa kita di peringkat JAWI sengaja memberitahu media massa, maka saya mencadangkan supaya perkara ini diberitahu kepada pihak berkuasa untuk kita mengambil tindakan-tindakan yang tertentu, oleh kerana kita sendiri percaya bahawa maruah dan martabat agama Islam itu perlu kita kawal dan kita tidak perlu membuka aib agama kita di khalayak ramai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man, iaitu berkenaan dengan umur 18 tahun. Sebagaimana kita ketahui kalau kita mengikut hukum Islam, soal umur 18 tahun tidak bangkit? Soalnya, seseorang itu mengikut hukum boleh di'Islam'kan apabila dia tiba akil baligh dan akil ballgh ini mengikut Islam, oleh kerana dia hukum ciptaan Allah, dia adalah lebih cepat daripada hukum yang dicipta oleh manusia. Tetapi kita juga mempunyai undang-undang yang direka oleh manusia. Mengikut Perlembagaan kita Perkara 12(4), mengatakan "Agama seseorang itu adalah berasaskan kepada agama ibu-bapa atau penjaganya selagi

dia belum mencapai umur 18 tahun. Dan mahkamah kita pula mentafsirkan walaupun peruntukan ini adalah peruntukan berkenaan dengan bidang pendidikan, tetapi mahkamah kita telah mentafsirkan persoalan ini sebagai maksud bahawa agama seseorang itu adalah meagikut ibu-bapanya jika dia masih di bawah umur 18 tahun. Bermakna mahkamah telah memperluaskan. Tetapi oleh kerana kita mempunyai peruntukan ini dan terjemahan/tafsiran mahkamah, kita terikat dengan tafsiran yang diberikan oleh mahkamah dan terpaksa untuk mengambil kira keperluan masyarakat yang majmuk negara kita ini - kekhuatiran mereka. Sedangkan di dalam agama Islam kita ketahui bahawa tidak ada paksaan di dalam agama. Tetapi untuk mengelakkan kekhuatiran mereka, kita meletakkan sebagaimana diperuntukkan di bawah "age of majority" di bawah peruntukkan Perlembagaan ini, iaitu umur untuk memasukkan seseorang" itu ke dalam agama Islam adalah umur 18 tahun ke atas. Dan kalau dia di bawah umur 18 tahun, oleh kerana ini untuk menyesuaikan kehendak agama Islam, kalau umur 18 tahun mesti mempunyai keizinan daripada ibu-bapa ataupun penjaganya.

Sekadar itu perkara-perkara yang saya fikir telah menjelaskan untuk persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun begitu, banyak lagi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri berkenaan kalendar Gregorian, saya fikir kita boleh bercakap berkenaan dengan kalendar itu - pakai kalendar. Dan kalau ia mengikut kiraan kalendar berkenaan Akta Rahsia tadi, perkara ini apa sekalipun yang melibatkan urusan Kerajaan yang dianggap rahsia, ia terangkum dalam

Akta Rahsia. Oleh itu, Kita tidak perlu mengadakan peruntukan yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri membincangkan mengikut seksyen demi seksyen, jadi saya terpaksa lihat seksyen demi seksyen. Ini adalah perkara biasa, saya fikir oleh seorang peguam. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil masa sedikit.

Berkenaan dengan perkataan di bawah definisi ditakrifkan perkataan "nasihat" supaya "nasihat" itu perlu dikuti - isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. Perkara ini, oleh kerana kita menganggap di dalam hal-hal agama, Seri Paduka Yang di-Pertuan AGONG harus bertindak mengikut undang-undang ini. Jadi pihak Kerajaan berpendapat tidak perlu diletakkan; Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian di atas perkara itu dan Kalau diperlukan untuk dipinda bagi menjelaskan, bolehlah saya - - - - - bolehlah saya teruskan atau.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung besok. Kalau panjang lagi boleh sambung besok.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir untuk memberikan keadilan kepada mereka yang telah membawa perkara-perkara khusus, lebih baik kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya sambung besok untuk perkara-perkara yang khusus yang telah dibawa.

**Tuan Yaug di-Pertua:** Saya bersetuju, Yang Berhormat. Boleh sambung besok. Setakat inilah persidangan hari ini dan dewan ditangguhkan sehingga esok 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**